


Jilid IV
Bil. 2



Hari Selasa
18hb April, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 133]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 164]**

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN ŞRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Pemangku Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 18hb April, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LOTERI KEBAJIKAN
MASYARAKAT—JUALAN TIKET

1. Tuan Chua Ching Cheng minta Perdana Menteri menyatakan jumlah hasil yang telah dapat diperolehi daripada jualan tiket-tiket Loteri Kebajikan Masyarakat bagi tahun 1976 dan 1977 dan bagaimana hasil itu dibelanjakan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, hasil ataupun kutipan yang diperolehi daripada jualan tiket-tiket Loteri Kebajikan Masyarakat bagi tahun 1976 dan 1977 adalah seperti berikut:

Tahun	Kutipan
1976	\$53,999,982
1977	\$53,999,953

Walau bagaimanapun, setelah ditolak segala kos dan perbelanjaan yang diperlukan bagi berjalan dan mentadbirkan Loteri tersebut oleh Lembaga, termasuk pembayaran hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang dan lain-lain bayaran seperti yang dikehendaki di bawah Ordinan Lembaga Loteri Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan 1950, maka pendapatan bersih yang terkumpul dalam tahun 1976 dan 1977 adalah seperti berikut:

Tahun	Kutipan
1976	\$10,023,205
1977	\$12,230,041

Perbelanjaan daripada hasil di atas adalah dibuat selaras dengan kehendak seksyen 5 (4) Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Ke-

masyarakatan dan Kebajikan 1962, iaitu dibuat bagi maksud-maksud untuk memberi bantuan kepada mana-mana organisasi, institusi atau badan awam, kedermawan, kebajikan, keagamaan atau pelajaran atau untuk mengendalikan sesuatu rancangan atau projek kedermawan, kebajikan, keagamaan atau pelajaran atau sesuatu kerja yang berfaedah kepada pihak awam, atau untuk memperbaiki keadaan kemasyarakatan atau memajukan kebajikan orang-orang awam atau mana-mana golongan dari pihak itu.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan bercadang hendak menambah hadiah yang dimenangi oleh pemenang-pemenang tiket loteri daripada yang sekarang ini kepada angka atau bilangan wang yang lebih besar?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang besar sekali khususnya dibuat bagi membayar hadiah-hadiah, misalnya, pada tahun 1976 wang sejumlah \$28,339,990 ialah untuk hadiah. Dari angka ini maka nampaklah hadiah-hadiah yang ada itu telahpun dianggap berat dan mencukupi. Akan tetapi, perkara ini dapat kita timbangkan dari semasa ke semasa kalau dianggap pada satu masa nanti patut ditambah, mungkin ditambah.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian yang berkenaan akan mencadangkan supaya pelaksanaan Loteri Kebajikan Masyarakat ini akan dikaji semula membawakan kepada tamatnya perkhidmatan itu?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini tidak.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dengan banyaknya kutipan yang didapati daripada Lembaga Loteri Kebajikan ini, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang

Berhormat Menteri, adakah Kerajaan bercadang supaya menambahkan lagi satu yunit yang bercorak Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat ini pada masa hadapan, atau kalau ada yang berupa loteri yang merugikan Lembaga itu seperti TOTO, hendaklah dihapuskan oleh Kementerian ini?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, loteri yang kita bincangkan ini adalah tertakluk kepada satu undang-undang iaitu Social Welfare Services Lotteries Board Act, 1962 dan hendaklah dijalankan mengikut ataupun selaras dengan peruntukan-peruntukan yang ada di dalamnya. Oleh sebab itu, saya fikir pada masa ini Kerajaan tidak bercadang berbuat begitu.

GELARAN "YANG BERHORMAT" KEPADA WAKIL RAKYAT

2. **Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan mengikut Demokrasi Berparlimen mengapakah wakil-wakil rakyat termasuk Senator-senator, dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri diberi gelaran Yang Berhormat. Mereka telah diberi taraf kehormatan yang tinggi dari rakyat yang memilih mereka lima tahun sekali dan ini menunjukkan kita telah meniru secara Barat. Sebagaimana Y.A.B. sedia maklum demokrasi kita adalah berlainan daripada negara-negara Barat dan sebagai sebuah negara Asia, kita mestilah mempunyai satu sistem yang sesuai mengikut adat dan tradisi kita. Misalnya, semasa pilihanraya Encik T. S. Gabriel bertanding sebagai calon biasa dan selepas memenangi pilihanraya sepatutnya Encik T. S. Gabriel dikenal sebagai Encik T. S. Gabriel dan bukan seperti Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel. Apakah tindakan beliau di atas perkara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, pemakaian gelaran Yang Berhormat yang diberikan kepada wakil rakyat samada di peringkat negeri ataupun persekutuan, telahpun diterima oleh rakyat negara kita. Ini menunjukkan bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih itu menjadi kepercayaan dan diamanahkan untuk mewakili rakyat di kawasan masing-masing. Penghormatan ini sewajarnya diterima dan menjadi satu panduan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat

menjalankan kerja dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab. Oleh hal yang demikian tidaklah perlu pemakaian ini dipinda lagi.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah sesuai pada pandangan Kerajaan iaitu sebuah negeri yang sedang membangun dan kecil too title conscious. Adakah sesuai untuk sebuah negara seperti Malaysia jika kita banding dengan Indonesia wakil rakyat tidak menggunakan gelaran "Yang Berhormat" (Honourable), tetapi kita di sini menggunakan bukan sahaja gelaran "Yang Berhormat", tetapi ada banyak kurniaan-kurniaan lain juga. Soalan tambahan saya ialah pada pandangan Kerajaan adakah sesuai bagi sebuah negara yang kecil dan sedang membangun pada masa sekarang too conscious dengan title?

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd.

Isa: Tuan Yang di-Pertua, pemakaian ini telah berjalan begitu lama sejak kita menganut demokrasi berparlimen di negara kita dan gelaran ini ialah kepada jawatan Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat samada di Dewan Negeri ataupun di Dewan Rakyat, tetapi apabila lucut maka mereka itu jadilah seperti biasa. Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat juga di luar daripada Dewan ini, bukan semua, kadang-kadang di dalam majlis-majlis keluarga dia tidak dipanggil Ahli Yang Berhormat, misalnya, isterinya tidak panggil suaminya Yang Berhormat Tuan Gabriel tetapi dia panggil "I dan you" sahaja. Ataupun gelaran ini adalah sebagai ganti nama, memudahkan. Jadi apabila dipanggil Yang Berhormat itu, walau pergi ke kampung lain, orang tahu ini mesti Wakil Rakyat. Itu satu ganti nama. Di Indonesia misalnya kalau orang yang pangkat tua sedikit ataupun ada jawatan, bukan bapanya, dia panggil "pak". Yang wanitanya dipanggil "ibu"—bukan ibu kita. Ini perkataan ganti nama sebagai satu budi bahasa. Dengan sebab itu kita ada Yang Berhormat. Kalau ketua daripada Yang Berhormat itu dipanggil Yang Amat Berhormat iaitu Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri. Begitu juga Ketua-ketua Menteri ataupun Menteri-menteri Besar. Ini satu perkataan perbendaharaan ataupun sebutan perkataan budi bahasa, menunjukkan kita kaya dengan budi bahasa dan kalau kita mengikut dalam konsep Rukunegara kita ada mempunyai

kesopanan dan kesuisilaan. Itu menunjukkan kita mempunyai corak demokrasi yang sesuai ala kita sendiri.

KAKITANGAN JABATAN TALIKOM SABAH

3. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar tentang perkara berikut:

- (a) kakitangan Jabatan Talikom Sabah telah menyatakan rasa kesal mereka terutama sekali mereka yang memegang Sijil City and Guilds of London kerana apabila mereka memohon kenaikan pangkat, permohonan mereka selalu ditolak oleh Pengarah Talikom; dan
- (b) samada Kerajaan mengiktiraf Sijil City and Guilds of London. Jika ya, mengapa mereka yang layak, tidak dinaikkan pangkat. Jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menjawab soalan (b) dahulu:

- (b) Kerajaan telah memutuskan bahawa kelayakan Guilds Technological Certificate daripada City and Guilds of London Institutes tidaklah boleh digunakan bagi mengisi jawatan Pembantu Teknik di mana-mana Jabatan Kerajaan.
- (a) Walaupun Kerajaan telah memutuskan demikian, saya ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan telah juga memutuskan supaya mereka yang berkecuaan boleh ditimbangkan untuk dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Teknik jika mereka memenuhi syarat-syarat di bawah Sekim Perkhidmatan Pembantu Teknik 1973.

Elok juga saya nyatakan di sini bahawa kenaikan pangkat bukanlah diputuskan oleh Pengarah Talikom Sabah tetapi oleh sebuah Lembaga Kenaikan Pangkat. Jika sekiranya ada kes-kes yang tertentu dalam mana seseorang pemohon yang mempunyai kelayakan seperti yang disebutkan di atas telah ditolak permohonannya, harap Ahli Yang Berhormat dapat memberikan butir-butirnya kepada saya untuk disiasat.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL

4. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa Perdana Menteri kita telah memainkan peranan yang cergas dan positif di peringkat antarabangsa terutama sekali dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi, seperti dalam kontek perhubungan antarabangsa dengan negara-negara ASEAN, negara-negara Islam, negara-negara Komanwel dan negara-negara dunia ketiga, apakah kemajuan yang telah dicapai dari persidangan negara-negara Komanwel yang baru-baru ini diadakan di Australia.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sama maksudnya dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam, yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah jawab kelmarin ber-samaan 17hb April, 1978. Oleh sebab itu, tidak ada apa-apa tambahan kepada yang telah dijawabkan itu.

DADAH MERBAHAYA— MENYALAHGUNAKAN

5. **Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada perbuatan menyalahgunakan dadah merbahaya dilakukan oleh orang-orang anti-nasional, dan sekiranya benar, samada Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tegas untuk memberhentikan perbuatan tersebut.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Datuk Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, seseorang itu adalah dianggap sebagai anasir anti-nasional jika tindakannya adalah bertentangan dengan Rukunegara dan kepentingan keselamatan dan ketenteraman negara. Dengan memperdagangkan dadah merbahaya seseorang itu telah melakukan satu perbuatan yang bertentangan dengan Rukunegara, kepentingan keselamatan dan ketenteraman negara Malaysia. Kita semua mengetahui bagaimana merbahayanya perbuatan menyalahgunakan dadah terhadap rakyat Malaysia. Oleh hal yang demikian, mereka ini bolehlah dianggap sebagai orang yang dimasukkan dalam takrif anti-nasional.

Kerajaan sememangnya sedang dan terus mengambil tindakan yang tegas dalam hal-hal yang bersangkutan dengan penyalahgunaan dadah. Tindakan yang diambil adalah dari segi undang-undang, pendidikan, rawatan dan pemulihan. Agensi-agensi yang terlibat dalam usaha untuk mencegah penyalahgunaan dadah terdiri dari pegawai-pegawai Biro Narkortik, Polis, Kastam, pegawai Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebajikan Masyarakat, Pemadam, yang sekarang diselaraskan kerjanya masing-masing oleh sebuah Jawatankuasa Bertindak yang baru-baru ini telah ditubuhkan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa masalah penyalahgunaan dadah adalah satu masalah sosial dan tindakan dari pihak Kerajaan semata-mata tidaklah mencukupi tanpa kerjasama dan sokongan penuh daripada rakyat jelata. Oleh hal yang demikian, bagi menghapuskan masalah penyalahgunaan dadah ini tanggungjawab adalah dipikul bersama oleh Kerajaan dan rakyat sekalian.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Kadangkala pengedar besar dadah ini amat licin memainkan peranan mereka. Boleh jadi pihak anti-dadah sukar mengesan mereka. Jika pihak Kerajaan mempunyai kepercayaan bahawa seseorang itu adalah seorang pengedar dadah yang penting ataupun seorang pengedar dadah yang ulong, adakah Kerajaan hendak menggunakan kuasa ISA untuk menahan buat sementara waktu untuk dapat dilihat kesan-kesan daripada penahanan orang itu seperti mana yang telah dilakukan oleh beberapa buah negara tetangga kita?

Datuk Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa adakala pengedar-pengedar besar yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang licin, licin dari segi penangkapan, pengesanan dan pendakwaan mahkamah di mana telah berlaku kadangkala dalam mana kita tidak mempunyai cukup evidence atau keterangan dengan itu mereka ini dibebaskan.

Jadi tentang cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya tindakan diambil oleh Kerajaan bagi menahan orang-orang ini di kem-kem tahanan, suka saya menyatakan bahawa ini memang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam mana orang-orang yang kita anggap adalah pengedar dadah besar licin dari segi erti-kata yang saya katakan tadi,

mereka itu dihantar ke khemah-khemah tahanan untuk ditahan untuk masa-masa tertentu.

PEGAWAI-TINGGI POLIS— PERLETAKAN JAWATAN

6. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan samada benar ada perselisihan faham di dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sehinggakan ada beberapa orang pegawai tinggi polis yang memohon meletakkan jawatan dengan menulis surat kepada beliau (Perdana Menteri) dan jika ya, samada perkara ini telah diatasi demi kepentingan negara.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak jelas, kerana ia tidak menyatakan apakah perselisihan faham yang dimaksudkannya itu. Walau bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai tugas yang luas dan kompleks serta berbagai corak. Jadi, di dalam mesyuarat-mesyuarat, perbincangan dan perhubungan sesama pegawai-pegawai Kementerian itu mungkin pernah berlaku perselisihan pendapat atau perbincangan mengenai sesuatu perkara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada menerima surat memohon perletakan jawatan dari mana-mana pegawai kanan polis sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PANDUAN TELEFON TEMPATAN

7. Tuan V. SM. Vellayapa minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah faedahnya pihak Jabatan Telekom Malaysia baru-baru ini mengeluarkan Telephone Area Directory dan samada beliau mencadangkan supaya Directory itu dikeluarkan dalam bentuk yang lama yang memberi maklumat kesemua nombor telefon di dalam Semenanjung Malaysia dalam sebuah Directory sahaja.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah yang didapati oleh Jabatan Telekom Malaysia dengan mengeluarkan tempat Panduan Telefon Tempatan adalah seperti berikut:

(a) Dengan pemecahan Panduan tersebut, tiap-tiap Panduan Tempatan adalah lebih nipis, kurang berat dan lebih

berkesan sebagai suatu punca rujukan untuk pengguna-pengguna telefon. Adalah dianggarkan bahawa pada tahun 1977 hingga tahun 1978 Panduan Telefon dalam satu jilid akan mencapai 2,000 muka surat.

- (b) Daripada statistik yang didapati adalah diperhatikan bahawa kebanyakan panggilan-panggilan adalah dibuat di dalam suatu bandar atau ke tempat-tempat di sekitarnya sahaja. Peratus panggilan-panggilan yang dibuat antara satu negeri atau bandar ke negeri atau ke bandar yang lain adalah sedikit. Jika adapun panggilan-panggilan demikian lazimnya pelanggan-pelanggan itu sedia mempunyai nombor-nombor yang mereka akan gunakan. Memandangkan kepada hakikat ini, adalah difikirkan lebih cepat dan senang untuk kegunaan pelanggan-pelanggan jika Buku Panduan Telefon itu dijadikan 4 buah dan tidak satu jilid sahaja.
- (c) Dengan mengadakan Panduan-panduan Telefon Tempatan, tempoh di antara tarikh penutup tiap-tiap Panduan dan tarikh penerbitan mereka adalah dipendekkan.

Sistem satu-buku mempunyai "lapse period" selama lima bulan, iaitu dari tarikh penutup pada 1hb September kepada tarikh penerbitan pada 1hb Januari, tahun hadapan. Ini mengakibatkan keluaran yang terbaru menjadi lima bulan kebelakang. Dengan penambahan stesyen-stesyen telefon yang dijangkakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan tambahan kerja-kerja berkaitan dengan catitan-catitan yang perlu diproseskan, masa memproses dan pengeluaran Panduan lama kelamaan akan melebihi tempoh lima bulan yang tersebut. Oleh yang demikian, pemecahan Panduan satu-buku kepada empat keluaran kawasan yang berasingan, tidak sahaja membantu untuk menentukan masa memproses dan pengeluaran adalah di dalam had yang boleh diterima, tetapi juga menghadkan penggunaan kakitangan dan sumber-sumber fizikal di peringkat yang munasabah.

Memandangkan kepada faedah-faedah yang didapati dari pemecahan Panduan Telefon Semenanjung Malaysia menjadi empat Panduan-panduan Tempatan, Jabatan Telekom tidak ber-cadang untuk kembali semula kepada format lama yang mengandungi Panduan satu jilid untuk seluruh Semenanjung Malaysia.

JALAN KEPONG/KUALA SELANGOR

8. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar akan kesesakan Jalan-raya Jinjang/Kepong dan jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kesesakan lalulintas yang dialami tiap-tiap hari di sepanjang Jalan Kepong/Kuala Selangor terutamanya di antara Bulatan Jalan Kuching (Batu 5.3) dan Bandar Kepong (Batu 7.8.) Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki dan memperluaskan jalan ini dari Batu 5.3 ke Batu 9.5.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian I ialah dari Batu 5.3 hingga Batu 7.8 dan Bahagian II ialah dari Batu 7.8 hingga Batu 9.5. Tender untuk Bahagian I telahpun dipanggil pada 15hb November, 1976 tetapi oleh kerana tawaran terlalu tinggi dan juga masaalah pengambilan balik tanah dan setinggan tidak dapat diselesaikan, tawaran ini telah dipanggil semula pada 6hb April, 1978. Tawaran ini sedang diteliti oleh Kementerian saya dan sekiranya harganya berpatutan, tawaran boleh diberi kepada kontraktor yang berjaya pada bulan Mei, 1978.

Bagi Bahagian II pula kerja-kerja reka-bentuk sedang dijalankan dan tawaran dijangka akan dipanggil pada tahun hadapan. Projek ini akan meringankan kesesakan lalulintas yang ada sekarang.

PENGAJARAN BAHASA MALAYSIA

D. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Pelajaran samada beliau sedar bahawa:

- (a) pengajaran Bahasa Malaysia dalam setengah-setengah sekolah belumlah menyampai taraf yang dikehendaki dan apa tindakan-tindakan telah dan akan diambil supaya membetulkan keadaan itu; dan
- (b) setengah-setengah guru masih tidak boleh bertutur fasih dengan sistem ejaan baru, misalnya, "oleh" dan "boleh" telah diejakan sebagai "olih" dan "bolih" dan "Masaalah" diejakan sebagai "masalah" dan apa tindakan-tindakan telah atau akan diambil untuk membetulkan keadaan itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Allah bin Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pelajaran sentiasa menyedari apa yang berlaku di sekolah-sekolah dan sentiasa memberikan perhatian sepenuhnya terhadap usaha-usaha mempertingkatkan mutu pengajaran di bilik darjah. Dalam hubungan ini pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan sentiasa mendapat perhatian istimewa. Di antara usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kementerian ini untuk meninggikan taraf pengajaran Bahasa Malaysia agar tercapai matlamat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Pelajaran telah dan sedang mengadakan Kursus Intensif Dalam Perkhidmatan untuk guru-guru yang kurang mahir dalam Bahasa Malaysia. Kursus ini bukan sahaja melibatkan penguasaan bahasa secara am tetapi juga penggunaannya secara praktik di bilik darjah. Di samping itu, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil berat agar matapelajaran Bahasa Malaysia itu diajar oleh guru-guru yang berkelayakan dan terlatih dalam pengajaran bahasa.
- (ii) Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia adalah dikaji dari masa ke masa agar kandungannya sesuai dengan matlamat am pendidikan negara serta pertumbuhan

murid, manakala penggunaannya pula mudah difahami, oleh guru-guru bahasa.

- (iii) Unit Perpustakaan, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha bagi menambahkan lagi bilangan buku-buku bacaan dan rujukan dalam Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah. Ini memberi peluang kepada murid-murid untuk membaca buku-buku dalam Bahasa Malaysia dan dengan itu akan mengukuhkan lagi penguasaan bahasa mereka.
 - (iv) Perlantikan pegawai-pegawai dan penyelia-penyelia bahasa di peringkat Kementerian dan negeri akan menambahkan lagi ketelitian serta kelicinan pengawasan pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah. Dengan ini guru-guru akan berpeluang mendapatkan nasihat berguna daripada pegawai-pegawai tersebut mengenai tugas mereka.
 - (v) Kementerian Pelajaran sentiasa menggalakkan pihak sekolah supaya mengadakan berbagai-bagai gerakerja luar darjah bersabit dengan pelajaran Bahasa Malaysia. Tiap-tiap sekolah menubuhkan Persatuan Bahasa Malaysia bagi menentukan gerakerja-gerakerja tersebut berjalan dengan kemas dan giat. Ini boleh meninggikan lagi mutu penguasaan Bahasa Malaysia murid-murid. Persatuan Bahasa Malaysia juga memainkan peranan penting dalam usaha pembinaan minat serta pembasmian sikap negatif yang mungkin ada di kalangan murid-murid terhadap Bahasa Malaysia.
 - (vi) Kaedah mengajar Bahasa Malaysia di maktab-maktab dan juga di universiti-universiti akan dikaji semula supaya bakal-bakal guru akan dapat dilengkapkan dengan kemahiran dalam teknik dan kaedah mengajar yang kemaskini.
- (b) Dewan Bahasa dan Pustaka sudah pun mengedarkan risalah-risalah mengenai sistem ejaan baharu kepada sekolah-sekolah, penerbit-penerbit buku teks dan sebaran am. Buku-buku teks yang

diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka adalah menggunakan sistem ejaan baharu. Dengan demikian, masalah ketidakhadiran dalam sistem ejaan baharu ini akan luput dengan sendirinya. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum sesuatu sistem yang baharu itu tentulah mempunyai masalah peringkat permulaan. Namun begitu Kementerian Pelajaran berpuas hati dengan kejayaan yang telah dicapai setakat ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan soalan (b) dalam masalah ejaan ini, kesusilapan berlaku bukan sahaja di sekolah, tetapi juga di Jabatan-jabatan Kerajaan, umpamanya kalau kita tengok papan-papan tanda di jalanraya yang baru Kuala Lumpur-Seremban, ejaan "ke" itu dieja "ke" dan ada yang dieja "ka"—ada masanya "ka" dan "ke". Saya hendak bertanya samada Kementerian Pelajaran boleh menghantar satu risalah yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini kepada Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Kalau ada permintaan dari Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pelajaran akan berhubung dengan pihak Kementerian yang berkenaan supaya memperbaiki keadaan ini.

PELAJARAN RENDAH—MEWAJIBKAN

10. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan mewajibkan pelajaran rendah kepada semua murid untuk mengurangkan keciciran di sekolah mulai dari peringkat rendah.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk mewajibkan Pelajaran Rendah kepada semua murid kerana Kementerian ini berpuas hati dengan peratusan yang tinggi mengenai bilangan murid yang bersekolah di sekolah-sekolah rendah.

Tambahan pula, Kementerian Pelajaran telah dan akan mengambil langkah-langkah positif untuk mengurangkan keciciran di sekolah mulai dari peringkat rendah dengan mengadakan Sekim Buku Teks percuma dan Sekim Makanan Tambahan di sekolah-sekolah rendah.

KEDAI TANPA CUKAI DI TAWAU

11. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bertanya kepada Menteri Kewangan samada beliau akan bercadang untuk menubuhkan sebuah kedai tanpa cukai di Tawau memandangkan ramainya pelancung-pelancung ke bandar itu sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, untuk sementara ini kedai tanpa cukai dibenar ditubuh di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sahaja. Sekiranya sesuai dengan keadaan perimbangan akan diberi untuk mengadakan kedai seperti ini di tempat-tempat lain juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Stephen Robert Evans.

(Soalan No. 12 Y.B. Datuk Stephen Robert Evans tidak hadir).

IMPOT BERAS

13. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apa punca yang menyebabkan kekeciwaan Malaysia mengimpot beras dari Burma, China, Thailand dan Filipina untuk menambahkan simpanan beras untuk keperluan negara;
- (b) berapa jumlah tan beras yang wajar disimpan untuk kepentingan negara; dan
- (c) jumlah harga beras yang dibeli dari tiap negeri itu serta juga jenisnya.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidak ada kekeciwaan kerana seperti yang telah diumumkan Malaysia berjaya membeli beras sebanyak:
 - (i) 200,000 tan dari Negeri China.
 - (ii) 150,000 tan dari Negeri Thai.
 - (iii) 10,000 tan dari Filipina.

Pembelian dengan Negeri Burma adalah masih di peringkat rundingan dan belum lagi selesai.

- (b) kalau soalan dimaksudkan untuk keperluan negara pada masa ini negara kemarau yang sedang berlaku di Kedah dan Perlis, jumlah keperluan ialah sebanyak 360,000 tan tetapi jika soalan

ini dimaksudkan untuk simpanan (stockpile) maka perkara ini adalah rahsia, dukacita tidak dapat diberi jawapan.

- (c) bagi jenis-benis beras yang dibeli daripada Thailand ialah Thai White 100%, Thai White 10%, Thai White Broken A 1 Super dan Parboiled rice 5%. Daripada negeri China ialah Fine Milling 35% dan Ordinary Milling. Daripada Filipina serupa dengan Malaysia A 3.

Berkenaan harga adalah rahsia juga. Kerajaan minta maaf tidak dapat memberi jawapan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah usaha bagi pihak Kerajaan bahawa satu jangkaan bagi mengisikan simpanan makanan negara (stockpile) sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Adakah rancangan ini sedang diusahakan oleh Kerajaan supaya tidak menagih membeli beras daripada luar negeri sebagaimana keadaan yang ada sekarang.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan stockpile pada masa ini memang belum lagi mencukupi. Pada keseluruhannya di seluruh negara keluaran padi di dalam negara kita hanya untuk keperluan 85% belum dapat memenuhi 100%. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pertanian sedang berusaha-sungguh untuk mencukupkan keperluan negara pada hari ini.

Datuk V. Ponnusamy Piliai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan 5% beras masak (Parboiled Rice) diimport daripada luar negeri. Beras masak ini ada banyak orang memakannya di Malaysia dan saya nampak kadang-kadang tidak boleh dapat di kedai-kedai. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan import beras ini lebih?

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Insha Allah, boleh ditimbang.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengemukakan satu soalan iaitu dengan adanya Ran-

cangan Malaysia Ketiga dan pelaksanaannya dengan perairan dan tanaman dua kali setahun di Malaysia kita sekarang ini, dalam jangkaan tahun berapa kekurangan sebanyak 15% daripada keperluan negara tentang hasil padi negara kita ini dapat dipenuhi iaitu sebagaimana diterangkan tadi setakat ini hanya 85% sahaja. Bilakah dapat dipenuhi yang baki 15% itu dengan Rancangan Malaysia Ketiga, tahun berapa?

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan yang seperti ini sepatutnya dihadapkan kepada Kementerian Pertanian tetapi bolehlah saya menjawabnya. Insha Allah, jika sekiranya jadual berjalan dengan baik dan masalah kemarau tidak akan berlaku dan semua petani-petani dapat memberi sambutan di dalam tanaman jenis padi Sri Malaysia I ataupun Sri Malaysia II yang mempunyai hasil yang begitu tinggi, saya mempunyai keyakinan yang penuh dengan izin Allah pada akhir Rancangan Malaysia Ketiga akan dapat mencapai matlamatnya.

TABUNG BANTUAN PADI BAGI PETANI-PETANI

14. **Tuan Ali bin Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau bercadang hendak menyediakan sebuah "Tabung Bantuan Padi Negara" bagi faedah petani-petani yang bertanam padi di negeri-negeri pengeluaran utama padi di Malaysia sebagai langkah jangka panjang untuk memperbaiki kedudukan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup petani-petani di negeri-negeri yang berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada rancangan untuk menubuhkan sebuah tabung seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, bantuan berbagai mata benda (input) telah banyak diberikan kepada penanam-penanam padi yang disalurkan melalui Jabatan-jabatan Pertanian Negeri dan Lembaga Pertubuhan Peladang semenjak rancangan pembangunan dilaksanakan. Ini termasuk berbagai tanaman jangka pendek di kawasan-kawasan padi tanaman sekali setahun.

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian juga menyediakan sistem pengairan yang membolehkan petani-petani menanam padi dengan lebih sempurna.

PERHUBUNGAN DI ANTARA PERWAKILAN MALAYSIA DAN PENUNTUT-PENUNTUT

15. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kementerian beliau dapat mengarah kedutaan-kedutaan kita di luar negeri supaya berhubung lebih rapat lagi dengan penuntut-penuntut kita yang menuntut di luar negeri untuk mengelakkan mereka daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir asing.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya ingin mengemukakan jawapan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita.

Perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut sentiasa mengambil berat dan berhubung rapat dengan penuntut-penuntut kita di luar negeri. Ini dilakukan melalui berbagai saluran antaranya ialah penerbitan seperti "Malaysian Digest", "Malaysia" dan lain-lain lagi. Perwakilan-perwakilan juga mengadakan majlis-majlis khasnya majlis "Hari Kebangsaan" di mana semua rakyat Malaysia di tempat-tempat berkenaan termasuk penuntut-penuntut di jempit untuk menghadirinya. Melalui saluran-saluran ini, perhubungan di antara perwakilan-perwakilan Malaysia dan penuntut-penuntut kita dikekalkan dan dirapatkan lagi dan seterusnya, penuntut-penuntut kita di seberang laut dapat diberi gambaran yang tepat dan terbaharu mengenai tanahairnya Malaysia untuk mengelakkan daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir asing.

PENGEMIS PROFESSIONAL

16. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (i) adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat di dalam tiap-tiap negeri di Malaysia itu membuat bancian berapa ramaikah bilangan pengemis-pengemis profesional di dalam tiap-tiap bandar besar di negeri masing-masing;

- (ii) kenapakah Bahagian Penguatkuasa Kementerian Kebajikan Am hanya melancarkan gerakan pembersihan (penyerbuan ke atas pengemis-pengemis itu) di sekitar bandaraya Kuala Lumpur sahaja, tidak di bandar-bandar yang lain; dan

- (iii) sehingga bilakah pemandangan yang menjolok mata disebabkan adanya beberapa kerat pengemis-pengemis professional di bandar-bandar di seluruh Malaysia ini akan dihapuskan oleh Kementerian yang berkenaan, dan kenapakah undang-undang pencegahan pengemisan tidak dilaksanakan terhadap mereka itu.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, jawapan soalan ini ialah seperti berikut:

- (i) Tidak ada.

- (ii) Tidak benar untuk dikatakan bahawa gerakan pembersihan hanya dilancarkan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur sahaja. Tindakan begitu juga dijalankan di lain bandar dan pekan besar di Semenanjung Malaysia. Saya sedar bahawa gerakan pembersihan adalah dilakukan lebih kerap lagi di Kuala Lumpur kerana adanya ramai pengemis profesional yang tertumpu di Bandaraya Kuala Lumpur.

- (iii) Seperti yang saya terangkan tadi, Kementerian saya sedang mengambil tindakan membuat serbuan, pada masa ke semasa di Wilayah Persekutuan dan lain-lain negeri, mengikut Akta Orang-orang Papa 1977. Oleh itu tidak benar anggapan Kementerian saya tidak mengambil tindakan atas Undang-undang ini. Walaupun demikian saya sedar bahawa masih ada lagi beberapa orang yang mengemis. Ini sukar diatasi kerana adanya orang ramai yang masih berempati dan ingin memberi sedekah kepada pengemis-pengemis ini. Selain dari itu, pengemis-pengemis profesional kian bergerak pada satu tempat ke lain dan pada satu bandar ke lain bandar dan tentulah tidak mudah untuk pegawai-pegawai Kementerian saya mengikuti jejak langkah mereka itu.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada Dewan ini kerana saya daif memahamkan apakah takrif pengemis professional yang dimaksudkan dalam jawapan Yang Berhormat Menteri. Yang saya tahu pengemis tidak ada professional. Kalau cara lain umpamanya, dia duduk dan datang orang perempuan atau lelaki. Yang saya hendak tahu takrif pengemis professional.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Biasanya yang kita anggap pengemis professional ini ialah dia tidak susah, hendak dikatakan tua tidak tua—muda, tetapi dia pandai berpura-pura seperti orang susah, seperti orang yang sakit, kalau tidak ada kudis dibuatnya kudis, itulah yang dikatakan professional, dijadikannya mengemis itu sebagai mata pencariannya.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berapa kalikah gerakan pemeriksaan seumpama ini telah dijalankan, umpamanya di Kuala Trengganu. Kalau ada, tolong beritahu bila perkara ini dijalankan.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, kalau berkehendakkan berapa kali itu, saya minta supaya diberi tempoh.

KOMPLEKS KEWANGAN

17. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan setakat manakah operasi Komplek Kewangan telah berjaya dan mencapai objektifnya untuk mengumpulkan modal orang-orang Melayu melalui penjualan saham-sahamnya kepada orang ramai dan apakah pandangan Kerajaan Persekutuan terhadap masa depan Kompleks Kewangan ini.

Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kompleks Kewangan Malaysia Bhd. telah mula menjalankan perniagaannya pada bulan September, 1974. Hingga penghujung tahun 1976, Kompleks Kewangan telah berjaya mendapatkan penyertaan sebanyak \$72.1 juta dalam bidang

sekuritis. Pada penghujung tahun 1977 pula, Kompleks Kewangan telah berjaya mencapai \$81.2 juta penyertaan Bumiputra dalam bidang perusahaan sekuritis. Jika diperhatikan daripada angka-angka tersebut, nyatalah bahawa Kumpulan Kompleks Kewangan telah berjaya meninggikan kadar penyertaan Bumiputra dalam bidang perusahaan sekuritis dari tahun ke setahun.

Bagi masa hadapan adalah menjadi harapan Kerajaan Persekutuan bahawa Kompleks Kewangan akan mengusahakan lebih ramai lagi Bumiputra daripada luar bandar memegang hak milik dalam syarikat-syarikat di negara ini. Di samping itu, Kompleks Kewangan juga akan membuat kajian dan berusaha untuk menjalankan beberapa kegiatan baru dalam bidang kewangan dan permodalan yang difikirkan perlu untuk menolong mencapai dan mempercepatkan pencapaian matlamat-matlamat Kompleks Kewangan Malaysia.

MENUKAR NAMA-NAMA TEMPAT

18. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan adakah apa-apa rancangan Kerajaan untuk menukar nama kota Kuala Lumpur kepada Bandaraya Tunku Abdul Rahman dan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Tun Abdul Razak memandangkan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mencapai kemerdekaan dan membebaskan rakyat dari penjajahan British dan semasa beliau menjadi Perdana Menteri beliau telah menjadi sebagai satu simbol perpaduan yang kekal dan abadi kepada rakyat dan negara. Allahyarham Tun Abdul Razak pula semasa menjadi Perdana Menteri, beliau menukar keadaan pembangunan daripada zaman penjajahan British kepada pembangunan sekarang di mana Malaysia telah menjadi sebuah negara yang aman, makmur dan terkenal.

Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, adalah diucapkan terima kasih atas pandangan dan ingatan Ahli Yang Berhormat itu kepada pemimpin-pemimpin agung negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan mengenainya buat masa ini. Mungkin cadangan ini dapat dikaji di masa-masa akan datang.

PEPERIKSAAN SRP/LCE DAN HSC/STP

19. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan apa faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan keputusan peperiksaan S.R.P./L.C.E. dan H.S.C./S.T.P. seluruh negara berbanding dengan tahun 1976. Dari faktor itu dapatkah diambil satu langkah semoga tahun-tahun akan datang tidak berulang lagi dalam masaalah tersebut.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini Menteri Pelajaran telahpun memberi ulasan-ulasan yang berkenaan dalam dua sidang akhbar yang telah diadakan baru-baru ini, iaitu pada 9hb Januari, 1978 mengenai keputusan S.R.P./L.C.E. dan pada 30hb Mac, 1978 mengenai peperiksaan M.C.E./S.P.M. dan H.S.C./S.T.P. Ulasan mengenai keputusan H.S.C./S.T.P. telah diberi dengan panjang lebar dalam sidang akhbar tersebut. Mengenai keputusan peperiksaan S.R.P./L.C.E. ingin saya menambahkan di sini bahawa walaupun peratus keputusannya telah jatuh sedikit tetapi jumlah calon yang telah berjaya dalam peperiksaan itu telah meningkat bagi tahun 1977 oleh kerana jumlah calon yang mengambil peperiksaan tersebut telah bertambah. Daripada analisa keputusan yang telah dibuat didapati secara perbandingan keputusan dalam beberapa matapelajaran yang diwajibkan seperti Ilmu Hisab dan Bahasa Malaysia telah jatuh sedikit yang mana sebanyak sedikit telah menyumbang terhadap sedikit kemerosotan yang terdapat dalam keputusan peperiksaan S.R.P./L.C.E. 1977 itu.

Perincian keputusan bagi mata-mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Ilmu Hisab bagi Peperiksaan S.R.P./L.C.E. 1976 dan 1977 adalah seperti berikut:

Mata Pelajaran	Peperiksaan	Tahun	Peratus (%)
Bahasa Malaysia ...	S.R.P.	1976	92.1
		1977	91.4
	L.C.E.	1976	85.4
		1977	81.1
Ilmu Hisab ...	S.R.P.	1976	65.0
		1977	59.0
	L.C.E.	1976	73.8
		1977	68.6

Secara perbandingan jumlah dan peratus yang telah berjaya dinaikkan darjah dalam Peperiksaan S.R.P./L.C.E. tahun 1975 dan 1977 adalah seperti berikut:

Peperiksaan	Tahun	Jumlah/Peratus (%)
S.R.P. ...	1976	44,504 orang (59.1%)
	1977	49,012 orang (55.2%)
L.C.E. ...	1976	54,178 orang (61%)
	1977	53,624 orang (57.8%)
SRP/LCE ...	1976	98,682 orang (60.1%)
	1977	102,636 orang (56.5%)

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan bercadang hendak menghapuskan Peperiksaan L.C.E./S.R.P., dengan demikian sebahagian daripada kelemahan itu boleh ditutup.

Yang kedua, memberi satu galakan naik darjah tanpa periksa sehingga kepada Form V dan begitulah seterusnya.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran belum ada mencapai keputusan samada untuk menghapuskan Peperiksaan L.C.E.

Yang kedua, mengenai soalan Yang Berhormat supaya peperiksaan dihapuskan supaya lebih ramai murid-murid boleh naik Form IV dan V, belum ada juga keputusan diberi oleh Kementerian Pelajaran. Bagaimanapun pada tahun yang lepas semua penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan L.C.E. dan mendapat pangkat C boleh pergi ke Form IV, itu adalah satu daripada galakan.

Peperiksaan adalah satu cara untuk menilai kebolehan murid-murid, jadi setakat ini saya rasa Kementerian Pelajaran belum ada memberi keputusan untuk menghapuskan peperiksaan tersebut itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi telah mengumumkan bahawa perkara ini telah dibuat ulasan di akhbar-akhbar. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, bolehkah dirumuskan bahawa kemerosotan ini berpunca daripada tiga golongan. Pertama, daripada murid-murid, kedua, daripada guru-guru yang tidak

begitu menerima latihan daripada maktab-maktab dan yang ketiga, daripada Kementerian Pelajaran sendiri yang tidak dapat menunaikan alat-alat persekolahan sebagaimana yang dikehendaki.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat kita nafikan bahawa ketiga-tiga faktor ini iaitu murid, guru dan Kementerian Pelajaran ada secara langsung atau tidak langsung menyebabkan kemerosotan. Bagaimanapun Kementerian Pelajaran tidaklah membiarkan kemerosotan ini akan berterusan di tahun-tahun akan datang. Sekiranya murid adalah satu faktor, iaitu sikap murid sendiri yang menyebabkan kemerosotan, galakan akan diberi oleh guru kepada murid-murid dan Kementerian Pelajaran berharap juga supaya pihak ibubapa memainkan peranan supaya menggalakkan murid-murid belajar lebih giat dalam mencapai kejayaan yang lebih baik.

Mengenai guru-guru, saya tidak dapat menentukan samada guru-guru yang menyebabkan kemerosotan, sebab kalau kita kaji dari segi bilangan guru-guru yang terlatih di Semenanjung Malaysia, ramai guru-guru terlatih yang mengajar di sekolah-sekolah bandar dan kita dapati sekolah-sekolah yang baik yang mana guru-gurunya 99% terlatih juga terdapat murid-murid yang tidak berjaya dalam peperiksaan, yang tidak begitu baik keputusannya. Jadi di tempat di mana alat-alat kemudahan yang tertentu diberi oleh Kementerian Pelajaran masih juga kita dapati murid yang tidak berbuat begitu baik di dalam peperiksaan. Jadi kajian memang dibuat oleh Kementerian Pelajaran mengenai apa-apa faktor yang terpenting, yang utama yang menyebabkan kemerosotan itu.

Raja Dato' Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Salah satu faktor kemerosotan peperiksaan adalah oleh sebab banyak kali cuti daripada masa belajar. Adakah itu satu faktor yang menyebabkan kejatuhan mutu pelajaran murid-murid?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dan saya percaya cuti itu bukanlah satu sebab. Sebaliknya mungkin kalau tidak ada cuti yang akan menyebabkan guru-guru sendiri tidak mahu bekerja lebih kuat. Perumpamaan Inggeris berkata: All work and no play makes Jack a dull boy.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa kelemahan peperiksaan SRP/LCE baru-baru ini adalah kerana kelambatan sampai buku teks ke sekolah-sekolah dan Kementerian Pelajaran telah menyalahkan pula kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka yang lambat mengecap buku dan D.B.P. pula menyalahkan Kementerian Pelajaran dengan mengatakan pesanan lambat diterima. Adakah perkara itu telah berlaku dan itulah yang menyebabkan kemerosotan keputusan peperiksaan S.R.P./L.C.E. tahun lalu.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin di kawasan-kawasan luar bandar satu daripada faktor yang menyebabkan kemerosotan adalah kekurangan buku teks tetapi kalau kita bandingkan di bandar Kuala Lumpur seperti di Sekolah St. John umpamanya, di sekolah yang baik, di mana buku teks terdapat, masih juga terdapat kemerosotan keputusan peperiksaan di kalangan penuntut sekolah itu. Jadi tidaklah dapat kita katakan bahawa buku teks adalah faktor yang pertama. Memang saya percaya ini adalah satu dari faktor yang berkenaan.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu faktor lagi adakah dengan sebab buku yang dipinjamkan kepada murid-murid itu misalnya Form I, II dan III, apabila kanak-kanak itu telah naik dari Form I kepada Form II, mereka hendak ulangkaji buku Form I itu tiada ada dalam perpustakaan; hendak beli. tidak ada wang, apabila naik Form III begitu juga dan Peperiksaan Form III itu banyak pelajarannya daripada Form I dan Form II dan begitu juga Tingkatan V. Jadi adakah perkara ini yang menyebabkan kemerosotan. jika benar dapatkah Kementerian menetapkan samada hendak diadakan khutub-khanah di sekolah berkenaan untuk kemudahan murid-murid itu belajar?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pendapat Kementerian Pelajaran tidaklah keciciran ataupun kemerosotan peperiksaan itu disebabkan kehabisan buku teks yang digunakan di Form I, II dan III oleh kerana lebih banyak tajuk-tajuk buku yang dapat digunakan oleh

penuntut-penuntut itu. Walau bagaimanapun, saya rasa kalau ini menjadi satu faktor yang menyebabkan kemerosotan, insya Allah Kementerian akan mengkajinya.

PINJAMAN PERUMAHAN

20. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada benar bahawa Perbendaharaan telah menolak semua permohonan pinjaman perumahan yang dibuat oleh setengah daripada pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu yang menyebabkan wang pertaruhan mereka dengan pemaju perumahan telah dikembalikan; dan
- (b) jika ya, berapa jumlah permohonan mereka yang telah ditolak dan mengapa.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan Yang Berhormat saya suka menegaskan di sini bahawa Perbendaharaan tidak ada menolak sebarang permohonan pinjaman perumahan yang dihantarkan oleh kakitangan Keretapi Tanah Melayu.

Apa yang telah berlaku ialah, mulai 17hb Disember, 1977 Perbendaharaan telah mengangapkan bahawa Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan mengendalikan pentadbiran pinjaman perumahan seperti yang telah disyorkan oleh Perbendaharaan; dan semenjak tarikh itu semua permohonan dari Keretapi Tanah Melayu telahpun dipulangkan supaya kakitangan Keretapi Tanah Melayu menghantarkannya terus kepada Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu untuk tindakan yang perlu. Langkah ini telah diambil oleh Kementerian saya kerana pada 21hb Julai, 1977 Kementerian Kewangan telah menasihatkan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu bahawa mulai 1hb Januari, 1978 Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu hendaklah mengambilalih pentadbiran pinjaman perumahan bagi kakitangannya sendiri. Ada beberapa sebab mengapa tindakan perlu diambil. Memadailah jika saya nyatakan di sini bahawa satu daripada sebab-sebabnya ialah Bahagian Pinjaman Perumahan telahpun dibanjiri dengan permohonan yang begitu banyak semenjak gaji Lapuran Kabinet telah dilaksanakan. Pada

7hb September, 1977 Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telahpun diingatkan bahawa mereka hendaklah mengambilalih pentadbiran pinjaman perumahan dan pada 5hb Disember, 1977 Perbendaharaan telah sekali lagi mengingatkan pentadbiran itu menyediakan diri untuk tugas ini. Oleh kerana Kementerian Kewangan tidak menerima sebarang jawapan maka telah dianggap bahawa Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah sedia mengambilalih tugas ini. Dengan sebab itulah permohonan-permohonan yang telah diterima selepas 17hb Disember, 1977 dipulangkan kepada pemohon-pemohon kakitangan Keretapi Tanah Melayu.

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini setelah satu rundingan diadakan di antara Menteri Perhubungan dengan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan pada 30hb Mac, 1978 satu peraturan telah diwujudkan dan dengan bantuan kakitangan dari Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu, Kementerian Kewangan telah menjalankan semula urusan memproses pinjaman perumahan dari kakitangan Keretapi Tanah Melayu. Satu persetujuan yang telah dicapai dalam Mesyuarat itu ialah pada suatu masa kelak mereka hendaklah mengambilalih tugas ini bagi kakitangan yang bekerja di Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu.

Sebagai menjawab soalan (b), Perbendaharaan tidak ada rekod bilangan permohonan yang telah dikembalikan kepada Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Tetapi mengikut rekod Keretapi Tanah Melayu sendiri bilangan permohonan yang dikembalikan oleh Perbendaharaan dan tidak diproses oleh mana-mana pihak ialah 38 permohonan. Kesemua permohonan ini telah mula diproses oleh Perbendaharaan sekarang.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap benar, apakah sebabnya pihak Perbendaharaan menolak permohonan pinjaman dari pihak Keretapi sedangkan kakitangan lain masih dalam layanan Perbendaharaan. Tolonglah beri jawapan yang benar, apakah sebabnya, adakah kerana kesalahan pihak Keretapi itu maka Perbendaharaan buat begitu atau ada lain-lain motif yang tersimpan dalam hati sanubari pihak Perbendaharaan?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tak ada apa motif tersimpan dalam hati sanubari Perbendaharaan, tetapi saya katakan tadi permohonan yang datang kepada Perbendaharaan itu terlalu banyak dan memanglah dasar Kementerian Kewangan jika sesuatu jabatan itu sendiri seperti Jabatan Keretapi Tanah Melayu dapat mengendalikan, memproses permohonan itu maka lebih baik diambilalih tugas itu oleh mereka, namun demikian wangnya datang dari Kementerian Kewangan juga. Jabatan berkenaan cuma memproses permohonan kerana jika ditumpukan semuanya kepada Perbendaharaan, nescaya rasa saya tidak dapat kita elakkan kelewatan memproses dan ini akan merumitkan kakitangan Jabatan itu sendiri. Itulah sebabnya kita nasihatkan jika boleh kendalikan usaha memproses itu sendiri dan wang akan diberi.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dalam perundingan di antara pihak Perbendaharaan ataupun Kementerian Kewangan dengan pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu tentang meluluskan dan memproses permohonan-permohonan daripada kakitangan atau pegawai Jabatan Keretapi itu adakah timbul masalah tabung pinjaman Kewangan yang hendak disalurkan kepada Jabatan Keretapi itu telah dinyatakan berapa jumlahnya dan bilakah pelaksanaan itu akan dapat dilaksanakan langsung oleh Jabatan Keretapi itu hasil daripada perundingan itu. Kalau ada keputusannya tolonglah beritahu Dewan ini.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya sendiri tidak ada maklumat tentang jumlah yang tertentu tetapi saya percaya di dalam perundingan itu di mana saya sendiri tidak ada terlibat. Saya percaya bahawa perkara-perkara ini telah dibincangkan dan seperti saya katakan tadi soal mengambilalih tugas oleh pentadbiran Keretapi Tanah Melayu ialah demi untuk melicinkan lagi proses permohonan, maka soal kewangan itu adalah serupa samada dikeluarkan oleh Jabatan Keretapi atau Kementerian Kewangan sumbernya sama cuma memprosesnya akan dijalankan di situ.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sekali lagi hendak mengemukakan soalan tambahan.

Adakah benar bahawa tidak adanya kesanggupan pihak Jabatan Keretapi untuk meneruskan pelaksanaan memproses ini secara langsung oleh kerana tidak adanya jaminan menyediakan tabung kewangan oleh Perbendaharaan kepada Jabatan Keretapi, adakah itu benar?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jawapan tepat benar atau tidak tetapi saya rasa mungkin tidak wujud kerana kami akan benarkan mereka mengambilalih tugas itu sebaik sahaja mereka bersedia menjalankan urusan memproses. Saya rasa soal kewangan itu tidak timbul samada kami atau dia beri sama juga.

LEBUHRAYA SEREMBAN—JOHOR

21. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah Lebuhraya Seremban—Johor yang melalui Melaka dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya telahpun menerima cadangan-cadangan daripada Jurutera-jurutera Perunding untuk kajian awal bagi Lebuhraya Seremban/Air Itam/Kulai/Tampoi. Cadangan-cadangan ini sedang diteliti oleh Kementerian saya dan kerja-kerja dijangka akan dimulakan oleh Jurutera Perunding yang berjaya pada bulan Julai 1978 dan akan disiapkan pada bulan Jun 1979. Kerja-kerja ukur dan rekabentuk pula akan dimulakan pada bulan Januari 1980 dan akan siap pada bulan Disember 1980. Mengikut jadual, pembinaan lebuhraya ini dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 1981 dan akan disiapkan pada bulan Disember 1983.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa untuk soal jawab telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 dan 22 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

ROMPAKAN KE ATAS NELAYAN-NELAYAN

12. **Datuk Stephen Robert Evans** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan:

- (a) bilangan kejadian rompak ke atas nelayan-nelayan Sabah di (1) Residensi Sandakan; (2) Residensi Tawau dan (3) Residensi Kudat, sepanjang tahun-tahun 1975, 1976 dan 1977;
- (b) tindakan yang diambil oleh pihak polis, polis laut ke atas kejadian-kejadian itu serta cadangan terakhir yang dibuat untuk melawan kejadian rompak di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Mohammed Ghazali bin Shafie):

- (a) Bilangan kejadian rompak ke atas nelayan-nelayan yang dilaporkan berlaku di Residensi-residensi Sandakan, Tawau dan Kudat dari tahun 1975 hingga 1977 ialah seperti berikut:

Residensi	Tahun 1975	Tahun 1976	Tahun 1977	Jumlah
Residensi Sandakan	—	—	1 kes	1
Residensi Tawau ..	2 kes	2 kes	3 kes	7
Residensi Kudat ..	—	—	2 kes	2
	2 kes	2 kes	6 kes	10

- (b) Untuk menjaga keselamatan serta harta benda nelayan-nelayan kita di kawasan perairan Malaysia, beberapa langkah telah diambil seperti:
- (i) Tindakan Mahkamah diambil terhadap mereka yang disyakki terlibat dalam kegiatan lanun. Dalam tahun 1977 seramai 9 orang telah ditangkap di kawasan perairan Sabah dan 5 orang daripada mereka telah didakwa.
- (ii) Polis Merin dengan kerjasama Tentera Laut Diraja Malaysia mempergiatkan rondaan terutama di kawasan-kawasan di mana lanun selalu merompak dan operasi-operasi khas juga dilancarkan bersama pihak Jabatan Perikanan.
- (iii) Rundingan-rundingan dan hubungan rapat sentiasa diadakan dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan

Singapura untuk mengkaji keadaan-keadaan serta langkah-langkah yang sesuai diambil untuk mencegah kegiatan lanun.

- (iv) Ahli-ahli RELA dibekalkan dengan senapang-senapang patah untuk menjaga keselamatan termasuk usaha melawan ancaman lanun-lanun.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

22. **Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk Kerajaan Negeri Melaka dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka yang telah benar-benar diberikan sejak projek R.M. 3 dilancarkan dalam tahun 1976.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk Negeri Melaka ialah sebanyak \$327,717,000. Dari jumlah ini sebanyak \$19,430,000 adalah diperuntukkan bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. Sehingga tahun ini peruntukan sebanyak \$148 juta telah disediakan iaitu termasuk \$12.4 juta yang diperuntukkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya menjelaskan di sini bahawa peruntukan-peruntukan yang saya nyatakan tadi ialah bagi projek-projek yang tidak sahaja dilaksanakan oleh ejensi-ejensi Kerajaan Pusat malahan juga oleh ejensi-ejensi Kerajaan Negeri sendiri.

PERKHIDMATAN PROFESSIONAL

23. **Datuk Stephen Robert Evans** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar keadaan Perkhidmatan Perubatan di Sabah:

- (a) selain daripada kekosongan dalam peringkat professional terdapat juga banyak kekosongan dalam peringkat separa professional dan bukan professional dalam bidang perubatan dan para perubatan yang tinggal kosong selama beberapa tahun. Walaupun terdapat calun-calun yang sesuai untuk dinaikkan grednya untuk mengisi kekosongan yang ada dalam peringkat

separa professional dan lain-lain peringkat saya tidak faham mengapa berlaku kekosongan. Kebanyakan dari mereka dilantik untuk memangku sehingga selama 7 hingga 12 tahun tanpa diberi pengesahan;

- (b) dalam tahun 1977, dari sejumlah 57 jawatan Ketua Jururawat, cuma 13 sahaja yang dipenuhi dan yang lain-lain samada staff nurse atau staff nurse kanan yang dilantik untuk memangku bagi selama 5 hingga 10 tahun yang lepas tetapi masih belum disahkan dalam jawatan mereka;
- (c) daripada 7 jawatan penyelia gred II, cuma satu sahaja telah dilantik dengan jawatan memangku dan masih terdapat enam kekosongan yang masih belum diisi;
- (d) daripada 25 jawatan pembantu hospital kanan lebih kurang 9 sahaja yang telah disahkan sementara yang lain masih kosong atau sedang memangku jawatan. Terdapat banyak lagi di dalam bidang para perubatan yang menghadapi masalah yang sama; dan
- (e) samada Menteri yang berkenaan akan menyiasat perkara ini dengan seberapa segera yang boleh supaya kakitangan perubatan Sabah khasnya yang berada di dalam profesyen jururawatan tidak akan merasa bahawa mereka telah ketinggalan oleh Kementerian Kesihatan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perlantikan untuk pemangku dan kenaikan pangkat pegawai-pegawai para-medical dalam Bahagian II dan ke bawah di Negeri Sabah adalah terletak dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri. Jabatan Perubatan Sabah telah dan akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membuat perakuan kepada Suruhanjaya tersebut bagi menaikkan pangkat mana-mana pegawai-pegawai yang didapati sesuai. Satu masalah yang dihadapi oleh Jabatan itu ialah kedatangan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan sementara yang juga memangku jawatan tersebut. Mengikut skim perkhidmatan masing-masing, pegawai-pegawai sementara tidaklah layak untuk menerima kenaikan pangkat sepenuhnya sehingga mereka diambil masuk ke dalam perkhidmatan tetap dan berpencen.

Saya juga difahamkan bahawa buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang menjalankan usaha penyerapan dan sebaik sahaja pegawai-pegawai yang berkenaan telah diserapkan ke dalam perkhidmatan tetap dan berpencen, Jabatan Perubatan Sabah akan memperakukan mereka untuk kenaikan pangkat.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keempat.” (17hb April, 1978).

3.32 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Insyallah tidak panjang. Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam, dan saya fikir dengan kemurahan hati Yang Berhormat Tan Sri boleh memberikan peluang sampai saya tamat berucap ini, sebab masa yang diberi oleh Parlimen kepada kita berbahas ini ada 5 hari lagi, dan dengan peluang ini saya ambil lebih daripada masa yang lalu.

Menyentuh dalam perkembangan luar negeri, Malaysia sebagai anggota ASEAN yang mana ada disebutkan di dalam Titah Di-Raja di hadapan kita ini, saya adalah mengalu-alukan dan berbangga dengan pengakuan baharu yang diumumkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China yang diterima oleh Perdana Menteri Thailand yang melawat Peking baharu-baharu ini iaitu jaminannya yang resmi mengatakan Kerajaan China menyokong penuh ASEAN yang mana mempunyai konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara. Daripada perkembangan ini kita harapkan dari kuasa-kuasa besar lebih-lebih lagi seperti negeri China kedudukannya lebih hampir dan dia duduk blok Tenggara Asia memandang daripada segi keselamatan dalam negara-negara ASEAN, yang sentiasa diancam oleh penganas komunis bahawa dengan rapatnya kita dengan negara China Komunis ini dapatlah mereka mengetahui dengan mendalam dan hakikat yang sebenar tujuan ASEAN. Natijahnya kelak kita harap dapat membendung dan menyekat Parti Komunis China daripada memberikan sokongan moral dan materialnya terhadap penganas komunis dan pemberontak yang sedang bergerak di negara-negara ASEAN. Oleh sebab itu, kita juga maklum bahawa Kerajaan China ini terus mengamalkan dasar hidup bersama dan tidak mencampuri urusan pemerintahan sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya Malaysia memberikan jasa baik, restu dan pendorong kepada Kerajaan Indonesia dan Singapura memulihkan hubungan diplomatik dengan negara-negara China. Usaha Malaysia ini sebagai keluarga Asian dan dengan ini kelak dapat ASEAN berdailog dengan negara kuasa besar ini yang akan meningkatkan keyakinan konsep ASEAN dapat dilaksanakan termasuk juga di dalam bidang-bidang yang lain, tetapi dengan keadaan sekarang ASEAN tidak boleh berdailog dengan Kerajaan Republik Rakyat China itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan Asia Barat saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas sikapnya yang begitu tegas dan berani mengutuk dengan keras tindakan pencerobohan Kerajaan Israel ke atas wilayah Lebanon Selatan baharu-baharu ini di samping itu Malaysia patut menawarkan diri kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sekiranya dikehendaki oleh

pasukan keamanan dunia itu, kita patut menghantar kontinjen kita ke Lebanon bersama-sama dengan negara-negara lain sebagai satu amalan yang telah kita buat iaitu kita telah menghantar askar-askar kita ke Kongo dahulu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kerajaan Malaysia memberikan keizinan dan kebenaran kepada rakyat Malaysia yang sanggup bersama-sama hendak memberi khidmat sukarelanya kepada badan-badan kebebasan Palestine supaya mereka berjuang bersama-sama dengan anggota itu bagi mendapatkan kemerdekaan negara tersebut.

Dalam masalah luar negeri ini juga, Tuan Yang di-Pertua, memandang betapa ramainya orang pelarian daripada Indo-China masuk ke negeri kita ini boleh dikatakan tiap-tiap minggu. Mereka menganggap bahawa pantai laut di pantai timur itulah sasaran mereka mendarat bagi mendapatkan perlindungan sementara. Kita telah menyediakan beberapa tempat bagi orang pelarian ini yang dalam makluman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atas dasar kemanusiaan. Apa salahnya kita mengadakan perundingan dengan negara-negara itu dalam masalah perlarian ini samada kita benarkan mereka menetapkan di sini sementara waktu menunggu keadaan negara itu dapat dikembalikan kepada aman dan tenteram dan mereka itu boleh kita gunakan dalam negara yang sedang membangun menghendaki tenaga buruh. Kalau boleh buat kepada rakyat orang-orang Islam di Kampuchea boleh menetap di sini dan boleh bekerja di sini mengapa kita tidak boleh buat kepada negara Indo-China yang terlibat dalam pelarian. Sebab kita memandang mereka ini dalam blok Asia Tenggara tentulah tidak begitu molek mereka daripada Asia kita dihantar kepada negeri-negeri yang jauh sebagaimana dihantar di Amerika, di Eropah dan Australia lebih baik kita terima mereka di sini, ini menurut hemat saya. Dengan keadaan kita dapat berbaik-baik dengan Kerajaan yang ada sekarang mudah-mudahan perhubungan muhibbah antara Kerajaan kita dengan dia akan berjalan dengan sempurna dari satu masa ke satu masa. Di samping itu kalau kita mengadakan perundingan dengan negara-negara Indo-China, menurut pandangan saya kalau boleh Kerajaan kita buat satu usaha yang

sangat murni memberitahu Kerajaan-kerajaan itu dengan cara muhibbah supaya dapat memberi kebajikan kepada umat-umat Islam di dalam negeri itu sekurang-kurangnya dapat mereka itu beribadat, bekerja sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan Singapura kepada umat Islam di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Penyelesaian Perindustrian, Kerajaan hendaklah menyelesaikan banyak masalah dalam Akta ini kerana setengah pelabur asing bukan mereka tidak faham tetapi mereka menerima momokan daripada anasir-anasir antinasional dalam negeri ini. Kita jangan berbangga dengan ikrar pelabur-pelabur asing bila kita melawat negeri mereka dia akan menanam modal dalam negeri ini dan selain daripada itu mereka telah menghantar banyak permohonan-permohonan untuk melabur modal di negeri kita. Tetapi dengan adanya beberapa syarat dan peraturan yang tertentu mereka tidak dapat menceburkan diri atas pelaburan ini. Saya fikir perkara ini patut diberi perhatian oleh Kementerian yang berkenaan. Dalam Titah Ucapan di Raja ini juga telah mengatakan bahawa Akta ini boleh dibetul, dikaji dan diterima cadangan-cadangan daripada pelabur-pelabur tempatan dan juga pelabur luar negeri. Saya gemar memberi peringatan kepada Kerajaan bahawa janganlah hendaknya bila dipinda, bila diterima cadangan-cadangan itu akan mencabul ataupun menenggelamkan Dasar Ekonomi Baru yang dikehendaki dalam maksud Akta Penyelesaian itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkembangan yang menggembirakan kita khasnya bumiputra iaitu Kerajaan mengaturkan satu langkah yang lebih praktikal untuk membantu peniaga-peniaga dan pedagang bumiputra merebut peluang berniaga. Ini menjadi satu teka-teki kepada rakyat negeri ini, kepada bumiputra, adakah dapat dilaksanakan atau hanya satu rencana sahaja. Ini satu perkara yang patut difikirkan oleh Kerajaan sebab Kerajaan telah mengalami beberapa kebuntuan dalam rancangan-rancangan yang dibuat. Kalau kiranya rancangan ini cuma menyenangkan hati rakyat bumiputra, ianya tidak akan memberi faedah. Menurut keterangan daripada Kementerian yang berkenaan ia telah menggariskan satu panduan mengenai tiap-tiap jenis perniagaan meliputi semua bidang samada berat, samada

perniagaan export dan import. Ini satu perkara yang amat baik pada hemah saya dan juga peniaga-peniaga bumiputra. Tetapi malam ini tidak akan berjaya sekiranya tiada satu pengawalan atau daya nasihat yang diberikan oleh Kementerian ini kerana dengan dasar yang ada sekarang dalam bidang perniagaan dan perusahaan selalunya dasar perniagaan bebas ini yang menggagalkan usaha-usaha perniagaan dan perusahaan yang dibuat oleh bumiputra kerana sentiasa dalam persaingan dan perlawanan. Maka dengan sebab itu, kita tidak dapat menengok satu perusahaan bumiputra yang begitu teguh, kukuh dan kekal.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam perkara yang penting iaitu hasil utama dalam negeri kita ini. Semalam saya sudah sebut getah tetapi pada petang ini saya menyentuh pada hasil kelapa sawit. Negeri kita dari sekarang hendaklah diusahakan supaya tidak diburukkan oleh keadaan ekonomi, boleh menjadikan kemelesetan kepada agensi-agensi Kerajaan atau swasta yang terlibat dalam perusahaan ini tetapi akan menjejaskan pekebun kecil dan beribu-ribu pekerja yang akan ada tanggungjawab dengan perusahaan ini. Maka dengan sebab itu saya fikir perlu Kerajaan mengkaji dari sekarang. Bahawa Malaysia juga termasuk dalam lingkungan membangun yang mana kelapa sawit terus menjadi tanaman yang terpenting dan memberi sumbangan yang besar pada hasil negara. Luas kawasan tanaman itu akan bertambah pada tiap-tiap tahun tetapi menurut hemah saya dalam perkara ini dari segi ekonomi jangka panjang perkembangan dunia hendaklah difikirkan bahawa tanaman kelapa sawit dalam negeri kita ini patut dihadkan. Negara juga berbangga kerana Kerajaan bercadang hendak menubuhkan Pusat Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit atas tujuan mengukuhkan pasarannya kelak seperti yang dibuat kepada penyelidikan getah. Pusat ini jangan hendaknya diura-urakan satu punca kewangan dan Kementerian Kewangan janganlah teragak-agak pada memberikan peruntukan dalam usaha melaksanakan pusat ini. Kalau kita biarkan dengan keadaan yang lama, ianya akan tinggal dalam rancangan maka akan bertambah kusutlah dalam perusahaan kelapa sawit ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang perbekalan minyak kelapa sawit, kita menerima tentangan dan persaingan yang begitu hebat

dari negara yang maju yang mengeluarkan jenis minyak makan dan lemak. Penge-luarannya akan menerima berbagai tekanan, sekatan kepada Malaysia termasuklah juga penglibatan kepada negara-negara ASEAN. Kita hendaklah menghadapi persaingan ini dengan begitu tegang. Kalau kita kurang awas, ia akan menjejaskan hasil negara kita. Kita yakin pertumbuhan manusia bertambah meningkat tiap-tiap tahun dan meng-hendakkan minyak makan. Dengan sebab itu Malaysia dan ASEAN menerima ancaman terhadap kemasukan minyak kelapa sawit ke negara Persekutuan Ekonomi Eropah. Blok ini memberikan kemudahan kepada negara-negara yang maju yang memasukkan jenis minyak kacang atau kacang soya tanpa cukai. Masalah ini patut diper-betulkan, kalau tidak kelapa sawit kita yang ada dalam negeri ini akan tidak mendatangkan hasil yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap sedikit lagi dalam perkara pertanian iaitu MARDI. MARDI sekarang telah membuat satu penyelidikan berhubung dengan tembakau yang akan dibuat di Trengganu. Ini satu kerja yang sangat baik. Walaupun tanaman tembakau ini telah berjalan dalam negeri ini dengan tiada nasihat MARDI, dengan tiada nasihat dari Jabatan Per-tanian tetapi petani-petani kita telah dapat menjalankan usaha ini dengan menghasilkan kualiti yang baik tetapi dengan tambahan usaha yang diberi oleh MARDI ini, saya yakin dan percaya bahawa negara ini akan dapat mengeluarkan tembakau yang cukup dan kita tidak lagi mengimpot tembakau dari luar negeri untuk kegunaan negara. Di samping itu ia akan memberi peluang kepada petani-petani kita menambah mata pencarian hidupnya dan saya berharap bahawa MARDI akan dapat mengusahakan tanah-tanah yang sesuai, benih-benih yang sesuai, baja yang sesuai untuk ditanam tembakau ini bukan sahaja dalam negeri Kelantan, Trengganu, Perlis tetapi saya harap bawalah tanaman ke selatan, Pahang, Melaka dan Johor.

Satu perkara yang patut diperhatikan dalam masalah tembakau ini, bahawa Lembaga Tembakau Negara ini patut memerhatikan nasib petani kita yang sedang dihisap oleh pengawit-pengawit tembakau dengan membeli harga yang murah atau mereka membeli dengan tiada membayar wang atas tanaman petani-petani kita. Ini

berpunca kesilapan tekanan yang dibuat oleh pengilang-pengilang tembakau bila pengawit-pengawit tembakau itu menghantar tembakaunya yang telah diproses, pengilang ini membeli dengan harga yang murah, dengan keadaan tekanan daripada pengilang-pengilang ini, pengawit-pengawit juga akan menyalurkan tekanan ini kepada penanam-penanam tembakau. Saya harap Kementerian ini akan memerhatikan dan memberikan satu harga tembakau yang tinggi kepada penanam-penanam kita supaya dengan keadaan ini akan dapat membaiki taraf hidup mereka.

Satu perkara lagi dalam masalah MARDI. Tuan Yang di-Pertua, MARDI harus membuat penyelidikan makanan binatang, kerana selama ini kita terpaksa mengimpot barang-barang makanan binatang ini tiap-tiap tahun \$140 juta padahal selama ini kita mempunyai bahan-bahan yang banyak, yang kaya untuk diproses dijadikan makanan binatang. Kita boleh menanam jagung, kacang soya, ikan busuk pun ada, sisa kulit nenas, sisa kelapa sawit, dedak padi dan sisa gajus. Kalau bahan-bahan ini kita proseskan, kita boleh jadikan barang makanan binatang. Maka dengan keadaan itu bahan-bahan ini boleh digunakan oleh peladang-peladang kita. Kita jangan bangga-kan bahawa kita ada ternakan ayam, lembu, udang tetapi barang makanan binatang ini kita beli dari luar negeri. Tidak ada ertinya, bahawa apa projek yang kita buat itu menerima pertolongan, bantuan, nafas daripada luar negeri, kalau negeri kita boleh berdiri sendiri mengusahakan barang-barang ma-kanan binatang-binatang itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang saya fikir dalam ucapan saya ini penting sedikit iaitu pelajaran. Walaupun telah dikatakan oleh rakan-rakan sejawat saya dan akan diperkatakan selepas ini, Kerajaan hendaklah sedia mengkaji dan menyemak semula khasnya sekolah luar bandar pada menambahkan bilik-bilik darjah dan juga bangunan-bangunan baru. Banyak bangunan-bangunan sekolah yang lama dan bilik-bilik darjah tidak ditambah oleh Kementerian Pelajaran. Dengan sebab ini satu faktor yang boleh menjadikan merosotnya anak-anak kita dalam pelajaran kerana dia tidak menerima pelajaran yang begitu tenang dalam sekolah yang sempit, dalam sekolah yang usang.

Saya contohkan satu, Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah Sekolah Kebangsaan di Buluh Kasap, Segamat. Bangunan sekolah ini telah didirikan 50 tahun dahulu. Minta kepada Kementerian beberapa kali, katanya: nanti, nanti, nanti; sampai sekarang pun tidak ada. Muridnya sudah ada 250 orang. Sudahlah begitu, tandas sekolah itu tandas corak lama, pakai angkut. Kalau musim sekolah, anak-anak sekolah, najis itu bukan sahaja jijik murid hendak pergi ke tandas itu termasuklah guru-guru. Guru-guru kadang-kadang tidak mahu buang air besar, buang air kecil di tandas itu, mereka pergi ke kedai kopi. Bukan itu sahaja yang dibawa oleh najis-najis itu, ia membawa bau yang busuk menyelubungi bangunan sekolah yang sentiasa dirasai oleh anak-anak dan guru-guru yang mengajar di situ. Ini satu contoh—Sekolah Buluh Kasap. Mungkin banyak lagi sekolah-sekolah yang lain dalam tanahair kita. Jadi kita tidak mahu Kementerian Pelajaran mengatakan kami akan dirikan bilik-bilik darjah, bangunan sekolah tetapi sekolah mana? Jangan hendaknya sekolah-sekolah yang dibuat ini dalam kawasan-kawasan yang tertentu, kawasan yang di ulu-ulu ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah bangkitkan dalam masalah kemerosotan peperiksaan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan jawapan. Saya tambah lagi satu perkara kemerosotan peperiksaan ini mungkin berpunca daripada guru-guru yang kurang sempurna menerima latihan daripada pusat perguruan atau maktab-maktab, kerana alat-alat di situ tidak menyesuaikan dengan Dasar Pelajaran yang hendak dihantarkan kepada anak-anak kita. Masalah ini patut dikaji balik atau guru-guru ini banyak membuat tugas luar, berpolitik atau berniaga. Dengan sebab ini anak-anak kita teraniaya dalam menghadapi peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan hendak melaksanakan Dasar Pelajaran hendaklah dimasukkan juga pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sudah mengatakan sekarang kita sudah tertinggal, sebab bila anak-anak kita keluar daripada sekolah-sekolah ini banyak menganggur, tenaganya tidak boleh digunakan untuk pembangunan negeri ini, kena dilatih pula dalam satu pusat yang lain dengan sebab mata pelajaran di sekolah pada ketika ini

tidak sesuai dengan rancangan pembangunan yang begitu pesat. Dengan sebab itu, saya memandang bahawa hendaklah mengim-bangkan kaum supaya dapat menikmati dalam bidang-bidang professional seperti ahli ekonomi, doktor, engineer, ahli sains, teknologi, pentadbiran, akauntan, peguam supaya bumiputra pada satu ketika dapat seimbang dengan kaum-kaum yang bukan bumiputra. Pada masa sekarang kaum bumiputra dalam jurusan ini sangat ketinggalan.

Saya contohkan satu, Tuan Yang di-Pertua. Bumiputra yang berjaya dalam ke-doktoran hanya 10%, dalam kejuruteraan 14,%, dalam senibina 24%, dalam kaji cuaca, ahli kimia—0. Jadi hendak menseimbangkan ini memakan masa yang lama. Saya mengharapkan Kementerian Pelajaran dapat memerhatikan masalah ini dan tidak membimbangkan kaum-kaum yang lain bahawa kaum-kaum yang lain juga dapat menikmati persekolahan-persekolahan yang kita wujudkan dalam tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menyemak sistem mata pelajaran. Adalah wajar, katanya, kita berjalan lebih 20 tahun, beberapa kelemahan kita telah dapati sebagaimana yang telah dicakapkan tadi. Pada masa akan datang kalau setelah kajian ini dibuat, hendaklah ditentukan dengan melengkapkan mata pelajaran yang menyertai pembangunan ekonomi yang aktif dalam perdagangan, perindustrian dan mengadakan pelajaran vokesyenal, teknik, perdagangan diwajibkan di sekolah menengah. Sekarang ada yang tidak diwajibkan. Kalau diwajibkan dengan tegas anak-anak kita bersungguh-sungguh menerima pelajaran ini. Keluar daripada sekolah menengah boleh kita gunakan tenaganya untuk pembangunan negara kita. Di peringkat maktab mengeluarkan diploma hendaklah menyediakan matapelajaran yang tersebut juga untuk dilanjutkan supaya dapat belia-belia kita yang berkemahiran dalam bidang vokesyenal, teknik, perdagangan, pertanian, perikanan, pengurusan. Walaupun keadaan ini memakan masa yang lama tetapi pada matlamat kita, kita akan dapat tenaga-tenaga mahir daripada penduduk-penduduk Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak bercakap dalam masalah Kementerian Buruh ini pun tidak begitu menyenangkan

saya. Sekarang kita sangat menghajatkan tenaga buruh. Kementerian ini patut mengkaji bahawa pada masa sekarang kita telah menggunakan tenaga buruh kasar daripada orang-orang Indonesia dengan cara tidak langsung. Hal ini telah disadari oleh Kementerian yang berkenaan, buruh-buruh daripada Indonesia ini datang dengan cara sendiket dibawa bekerja dalam kawasan-kawasan agensi Kerajaan khususnya di dalam negeri Pahang dan agensi-agensi Kerajaan ini mengakui bahawa kalau tidak adalah buruh-buruh daripada Indonesia ini perlaksanaan agensi pertanian dalam kawasan itu tidak akan berjaya.

Sebab kita sebenarnya kurang tenaga. Apa salahnya antara dua buah Kerajaan di dalam ASEAN ini mengadakan satu perundingan supaya buruh-buruh ini kita berikan taraf bermastautin 4-5 tahun dan tenaganya kita boleh gunakan. Jangan pada masa polis jumpa orang ini ditangkap dan dibawa ke mahkamah tetapi dia balik ke Indonesia, dia datang lagi ke Malaysia. Kita adakan perundingan di antara dua buah Kerajaan. Kalau kita di Malaysia boleh hantar buruh-buruh ke Singapura pada hal beratus-ratus ribu buruh di Singapura itu bekerja secara kontrek dengan tidak ada EPFnya masuk ke sana dengan tidak ada pas kerja dihalau balik. Kenapa kita tidak boleh rundingkan masaalah ini. Orang Singapura juga memerlukan tenaga buruh. Bagi negeri ini supaya keselamatan dan kebajikan buruh yang bekerja di negeri Singapura dan juga yang bekerja di Malaysia dapat kita susun dan atur demi memelihara kepentingan manusia dan memelihara muhibbah ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah radio dan TV. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini yang telah mengisytiharkan bahawa pakaian menjolok mata waktu hendak bercakap di radio dan TV akan dihapuskan. Saya ucapkan terima kasih. Itu satu perkara yang sangat molek dan patut lama sudah dibuat begini.

Yang keduanya tidak akan mengisytihar dan tidak akan membuat siaran keputusan loteri dan TOTO. Itupun baik. Kenapa kita hendak dedahkan kerja maksiat kita kepada orang ramai. Itupun satu benda yang baik.

Tetapi satu perkara lagi mengenai siaran TV. Waktu menyiarkan bang maghrib, tidak ditulis Jawi menandakan masuk waktu

Maghrib atau Isya. Patut sesuaikanlah dengan kehendak Islam digunakan tulisan Jawi waktu Maghrib dan waktu Isya. Tetapi ini tidak ada langsung tulisan Jawi. Ini satu kelemahannya. Bukan ia kurang tetapi ia lemah tentang itu. Apa sebabnya, wallahualam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah radio pula, saya telah bercakap di dalam pre-Council dulu bahawa saya sebagai wakil Dewan Negara pernah pergi ke hulu-hulu kampung. Sebahagian daripada hidup saya berdamping dan bercampur dengan orang-orang di hulu-hulu kampung 40-50 batu daripada bandar-bandar besar yang mana penduduk-penduduk kampung itu cuma bekerja tanam padi, bela ayam, malam mereka tidur. Radio tidak ada di rumahnya. Dan ia tidak tahu apa yang terjadi dalam dunia ini. Ini satu perkara yang patut difikirkan oleh Kerajaan. Sudahlah kemundurannya begitu, jadi saya mengharapkan Kementerian ini mengeluarkan peruntukan untuk memberi radio dan TV percuma kepada penduduk-penduduk kampung ini supaya dapat mereka itu mengetahui kedudukan dan kemajuan di dalam negeri ini. Saya hendak sebut seperti di hulu-hulu Kelantan dan juga di kampung-kampung hulu, memang mereka tidak kesahkan soal radio. Ini bukan fasal dakwah. Mereka tidak ada upaya hendak membeli radio. Kena pula bayar lesen. Sepatutnya orang semacam ini kalau dia beli radio, percuma. Apa salahnya. Tidak menjadi rugi Kerajaan, ini adalah sebaran am, faedahnya kepada Kerajaan. Jangan kita sayang hendak sangat \$12 tetapi perkara yang patut disampaikan kepada rakyat, rakyat tidak boleh dapat. Ini satu kebajikan kepada Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah masaalah polis. Sekarang Kerajaan telah membuat tanggagaji baru kepada mereka tetapi baru saya sedar sekarang bahawa anggota polis kita di dalam negeri ini tidak cukup, tidak sesuai dengan ramai jumlah penduduk. Maka dengan sebab itu banyak kejadian jenayah dalam negeri ini. Polis yang ada sekarang tidak berupaya hendak mengatasi kejadian-kejadian itu. Kekurangan ini, menurut apa yang saya ketahui bahawa polis cuma ada 51,953 orang sahaja. Pada hal rakyat Malaysia ini ada 12 juta. Kenapa Perbendaharaan, kenapa Kerajaan lebih

sayangkan duit daripada menambahkan anggota-anggota polis ini bagi menjaga keamanan serta menjayakan segala rancangan Kerajaan. Maka seperti kata Yang Berhormat Menteri kita, dia hendak tambah lagi 12,000 orang polis. Saya harap Menteri Kewangan tolong luluskan peruntukan ini dengan segera, ambil segera polis-polis ini untuk menjaga keamanan negara ini supaya dapatlah kita duduk dengan aman, dan tenteram dengan adanya polis-polis ini.

Saya sangat dukacita bahawa anggota polis dalam negeri ini sangat kurang. Sepatutnya menurut perincian, tiap-tiap 300 orang diadakan seorang polis. Ini tidak, 800 orang—seorang polis.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Kementerian Perhubungan. Kementerian Perhubungan ini ada satu penyakit. Penyakitnya ialah masalah keretapi. Ini masih belum boleh dibetulkan walaupun ada Pengurus Besar yang bijaksana tetapi dalam masalah pentadbirannya tidak begitu baik. Dan selalu juga kita dengar keretapi ini tergelincir dan baru-baru ini kita dengar keretapi berlaga dengan keretapi, subhannallah!

Kalau zaman penjajah dulu, jarang-jarang kita dengar di Malaysia ini keretapi langgar keretapi. Tetapi di Malaysia ini bila merdeka ada macam-macam cerita. Keretapi langgar keretapi. Ini adalah masalah pentadbiran, cuai dan sengaja, sabotaj hendak merosakkan ejensi ini. Ini patut kita betulkan. Ini bukan sahaja merugikan keretapi tetapi barang pun rugi dan orang mati. Walaupun perkara ini perkara kejadian alam, tetapi di Malaysia ini sudah jadi satu perkara mainan. Jadi masalah keretapi ini pada saat-saat yang akhir ini menjadi-jadi. Macam-macam kes kita terima.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam masalah Jabatan Talikom. Jabatan Talikom ini orang bersungut kerana hendak dapatkan talipon itu lambat. Tetapi saya hendak bangkitkan soal lain. Dia pungut cukai hasil talipon itu berganda dan menyusahkan orang ramai. Sepatutnya sebagai contoh, orang itu kena setahun \$600 tetapi Jabatan Talikom ini hantar tuntutan sampai \$1,200. Bila kita buat bantahan, dia minta maaf, dia salah. Ini bukan satu orang, tetapi banyak orang yang terlibat. Kenapa Jabatan Talikom buat begini. Bila kita bayar di daerah itu, dia tak potong apa yang kita

bayar, dibuatnya tuntutan satu kali datang daripada Kuala Lumpur macam tuntutan asal juga. Ertinya apa yang kita bayar tidak ditolak. Kelemahan-kelemahan pentadbiran semacam ini menyusahkan orang ramai. Pada hal benda ini mendatangkan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga hendak membesarkan pelabuhan. Jangan pelabuhan sahaja yang hendak dibetulkan, kuala-kuala sungai yang menyusahkan rakyat juga patut Kementerian ini membuat usaha. Saya berikan dua contoh. Satu, Kuala Sungai di Tumpat. Sekarang nelayan-nelayan tidak boleh masuk ke kuala sungai ini, oleh sebab kuala sungai ini sudah cetek. Banyak pula kematian dan kemalangan. Mereka tidak berupaya hendak mengorekannya.

Kementerian Perhubungan ini patut mencari satu ikhtiar untuk mendalamkan kuala sungai ini bagi menyenangkan nelayan kita, termasuklah kuala sungai di Bachok.

Kuala Sungai di Bachok begitu juga, sudah tohor. Mereka hendak gali tidak boleh, siapa yang hendak menggali. Kementerian Perhubungan hendaklah buat kerja semacam ini walaupun tidak ada untung besar. Tetapi ada kebajikan kepada rakyat. Banyak rakyat mati dengan sebab hendak masuk ke kuala sungai itu sudah terkambus dan perahu-perahunya tidak boleh lalu. Bukan itu sahaja bahkan di mana-mana juga yang ada kebajikan untuk nelayan-nelayan kita di kuala-kuala sungai, Kementerian Perhubungan hendaklah mendalamkannya jangan hendak buat pelabuhan-pelabuhan yang berharga bermillion-million ringgit, sedangkan perbelanjaan \$200,000-\$300,000.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya berhubung dengan Pusat Latihan Belia. Di dalam Titah Ucapan Di Raja telah menyentuh satu perkara yang saya fikir istimewa yang mengatakan bahawa Kerajaan akan menyediakan Pusat Pemulihan Wanita-wanita yang tercebur menjadi pelacur. Ini cakup ikhlas dan terus terang. Memang ada wanita-wanita di Malaysia yang sudah tercebur dengan maksiat pelacur. Dengan sebab itu diambil mereka ini dan dimasukkan ke pusat pemulihan dan dibetulkan akhlaknya supaya mereka menjadi masyarakat yang baik. Saya hendak beritahu Kementerian ini selain daripada mendirikan Pusat Pemulihan, pelacur ini juga patut disiasat, diselidik dan diperiksa oleh doktor. Mungkin pelacur ini

ada mengidap penyakit seperti sakit perempuan yang boleh merebak, kalau dimasukkan ke dalam Pusat Pemulihan ini sekiranya mereka membawa kuman itu, satu Pusat itu kena sakit perempuan, dan ini adalah menjadi satu masalah. Kerajaan hendaklah memberi jaminan orang yang keluar daripada Pusat Pemulihan ini apabila dia keluar tidak lagi melakukan perbuatan terkutuk ini. Ini satu rancangan yang patut kita atur supaya mereka terselamat daripada perbuatan ini, sampai ke akhir hayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh berkenaan dengan Pusat Pemulihan Dadah. Saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri Johor telah bermurah hati memberi sebuah pulau yang bernama Pulau Pisang, iaitu sebuah pulau yang besar boleh ditempatkan untuk penagih-penagih dadah. Di sini akan dijadikan sebuah pusat yang terbesar sekali dalam negeri ini. Kalau Kerajaan Negeri Johor rela memberi kawasan yang semacam ini kenapa Kerajaan Negeri-negeri lain yang banyak tanah itu tidak boleh memberi kawasan untuk Pusat Pemulihan Dadah ini. Saya berharap kepada Kerajaan Pusat, apabila Kerajaan Negeri meminta peruntukan-peruntukan untuk membina pusat seperti saya katakan di Pulau Pisang ini, tolong berikan bantuan, sebab Kerajaan Negeri sudah beri tanah, kawasan, dan kemudahan lain. Jadi patutlah Kerajaan Pusat sama-sama bertanggung-jawab atas penyakit dadah ini, patut menghulurkan bantuan supaya pelancaran pusat ini dapat dibuat dengan segera dan dapat diaturkan dari semasa ke semasa untuk mengatasi masalah dadah yang kita hadapi sekarang.

Dengan ini, saya memberikan sokongan atas usul yang ada di hadapan kita ini.

4.13 ptg.

Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang telah sudi mencemarkan Duli Tuanku yang kita kasihi menyampaikan Titah Ucapan Tuanku pada 20hb Mac, 1978 di Bangunan Parlimen ini kepada Ahli-ahli Parlimen dan pembesar-pembesar negara kita. Tuanku telah bertitah dengan jelas dan saya mengucapkan sekali lagi terima kasih

kepada Baginda dan saya suka menyentuh beberapa perkara di dalam Titah Ucapan Baginda itu.

Pertama, dalam para dua Tuanku menegaskan perpaduan yang kukuh dan kekal. Untuk mencapai perpaduan yang kukuh dan kekal ini saya memberi pandangan iaitu selagi orang-orang kita bercakap bermacam-macam bahasa selagi itulah kita tidak boleh bersatupadu atau perpaduan sebagaimana yang dikehendaki oleh Tuanku. Orang-orang China dengan bahasa Chinanya, orang-orang India dengan bahasa Tamilnya, orang-orang asing, dengan bahasa Inggerisnya. Sekolah pula bermacam-macam sekolah, jadi saya fikir dalam 100 tahun lagi kita tidak boleh bersatupadu.

Saya berada di Indonesia pada 13hb Februari, 1978 hingga 22hb Februari 1978 selama 10 hari. Saya melawat Bali, Bogor, Jakarta dan juga Bandung. Di sana orang-orang China, orang-orang India, Serani, besar kecil, tua muda bercakap bahasa Indonesia, anak-anak China yang saya jumpa di hotel-hotel semuanya bercakap Indonesia. Itulah sebabnya orang-orang Indonesia satu sahaja bahasa percakapannya, satu sahaja corak sekolahnya dan mereka bersatupadu macam adik-beradik, tolong-menolong antara satu sama lain. Saya minta pada pak-pak Menteri kita mencari jalan untuk memikirkan supaya rakyat di negara kita ini bersatupadu dan tinggal seperti adik-beradik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan soal mempertahankan Kedaulatan Undang-undang (Rule of Law) iaitu dalam para tiga. Titah Ucapan Tuanku itu kita patut menyokong 100%, kita serahkanlah kepada hakim-hakim kita dan orang-orang yang berkenaan dengan undang-undang ini. Di dalam Kementerian Undang-undang, kalau mereka buat undang-undang mengikut nafsu mereka, merekalah yang akan menerima akibatnya di akhirat kelak, iaitu hari yang dinamakan "Day of Judgement", di dunia ini mereka akan lepas, tetapi "Day of Judgement" itu mereka tidak akan terlepas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam para sepuluh Baginda telah bertitah iaitu negara kita ini kaya dengan sumber-sumber hasil bumi. Kita bersyukur kepada Tuhan, tetapi sudahkah orang-orang bumiputra menikmati kekayaan

hasil bumi ini? Itulah soalan saya. Bumi-putra yang tinggal di negara ini hendak meminta satu lot tanah 40' x 70' untuk mendirikan rumah tempat tinggal anak beranaknya pun tidak boleh dapat, manakala hasil-hasil bumi yang kaya itu hendak mendapat lombong, hutan tidak akan merasalah orang-orang bumiputra, jauh panggang dari api. Kita tidak salahkan Kerajaan Pusat, tetapi Kerajaan-kerajaan Negeri banyak lagi tidak mahu menyiasat hal ini. Sudahkah rakyatnya mempunyai tanah untuk mendirikan rumah dan lain-lain seperti hutan dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Ucapan Baginda dalam para dua belas, iaitu pelajaran akan terus diberi perhatian yang berat. Saya sudah berkali-kali berucap di Dewan yang mulia ini, mengenai sekolah-sekolah di kawasan Kepong. Pertama, Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Batu, saya minta sekolah ini disampaikan hingga ke Tingkatan VI, tetapi hari ini tidak nampak tanda-tandanya. Begitu juga, saya minta sekolah itu diadakan asrama sebab murid-muridnya bertambah dan datang dari jauh, perkara ini pun tidak diambil tindakan.

Yang kedua, saya minta Kerajaan mendirikan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di sebelah Sekolah Kebangsaan Sentul yang ada sekarang, sebab tanah sudah ada, murid-murid di Sentul sangat ramai dan inipun tidak mendapat tindakan. Yang akhir, sekolah di kawasan saya sendiri, Sekolah Kebangsaan Kampung Batu yang mana telah dijanjikan pada tahun 1974 dan sekarang tahun 1978 tidak nampak tanda-tandanya yang akan dibuat sekolah itu. Saya berharap kepada Kementerian akan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, para limabelas, Titah Ucapan Tuanku ialah mengenai usaha mencapai pembangunan yang teguh dan kukuh, keugamaan, nilai kerohanian dan akhlak serta kelakuan yang baik bagi tiap-tiap individu amatlah penting. Saya merayu kepada pihak yang berkenaan, masjid-masjid yang ada di dalam Wilayah Persekutuan ini dan sebagai nazir masjid, surau dan juga sekolah-sekolah agama tolonglah diambil perhatian. Ada masjid-masjid yang telah uzur, begitu juga surau-surau dan sekolah agama yang ditutup yang mana Negeri Selangor tidak pernah membuat perkara ini. Yang uzur diperbaiki, yang kecil

dibesarkan, sekolah yang ditutup dibuka semula supaya Syiar Islam berkembang dalam Wilayah Persekutuan, supaya umat-umat Islam, akan bertambah maju dan tahu hal ehwal agama, jangan leka dengan wayang gambar, floor show, dan berdansa sahaja. Saya merayulah kepada pak-pak Menteri yang beragama Islam datanglah ke masjid-masjid yang ada di dalam Wilayah Persekutuan ini, datang bersembahyang Jumaat di masjid-masjid ini, jangan balik-balik di Masjid Negara sahaja. Rakyat yang beragama Islam yang bersembahyang di masjid-masjid di Wilayah Persekutuan ini, ingin sekali-sekali melihat Menteri-menterinya bersama-sama bersembahyang dengan mereka. Jadi kasih sayang itu bertambah rapat lagi di masjid-masjid seperti masjid saya sebuah masjid yang cantik dan dekat pula dengan bandar Kuala Lumpur, tidak seorang pun pak Menteri yang bersembahyang Jumaat semenjak dibuka. Apabila di-jemput, barulah mereka datang, jadi macam mana rakyat hendak bermesra dengan mereka, pak-pak Menteri tidak mahu menziarahi mereka, pada hari Jumaat pun jadilah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri pandangan saya dalam Titah Baginda menyuruh rakyat bersatu padu dan untuk mencapai matlamat yang sama sahaja dapat melahirkan bangsa dan negara yang teguh. Dalam pilihanraya di Kelantan, Barisan Nasional, UMNO dan BERJASA telah mendapat 34 kerusi daripada 36 kerusi, maka di sini satu tanda yang Barisan Nasional akan berjaya di dalam pilihanraya akan datang memenangi segala kerusi-kerusi pilihanraya dalam tiap-tiap kawasan negeri dan kawasan-kawasan Parlimen. Rakyat telah sedar iaitu Kerajaan Barisan Nasional sekarang betul-betul hendak menghapuskan kemiskinan, bukan berolok-olok sebagaimana yang dituduh oleh Pembangkang.

Pada pendapat saya kita tidak boleh dapat satu Kerajaan yang boleh memerintah negara ini dengan aman dan makmur seperti Kerajaan sekarang Barisan Nasional. We will never get a better government to rule this country except the government of Barisan Nasional. Apa-apa kehendak rakyat yang disuarakan oleh Wakil-wakil Rakyat samada dalam Parlimen atau Dewan Negara ini sudah terlaksana, cuma kita minta Kerajaan-kerajaan Negeri bekerja keras untuk membantu rakyat di negeri masing-masing

supaya tidak ada lagi parti-parti lawan di negeri itu. Pada parti-parti lawan apa lagi yang mereka tidak puas hati, why they are not happy. Parti-parti lawan inilah yang mendapat faedah yang banyak dari Kerajaan Barisan Nasional. Mereka berniaga, bermacam-macam mereka buat untuk memajukan partinya. Kalau di negeri lain parti-parti lawan disekat dan tidak dibenarkan berniaga dan apa-apa permohonan tidak akan dilayan oleh Kerajaan, tetapi di sini, di Malaysia permohonan-permohonan parti lawan diberi keutamaan pula oleh Kerajaan.

Saya merayu kepada parti-parti lawan insafilah, marilah kita masuk ke satu parti sahaja dan bekerjasamalah kita untuk menjalankan apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong itu, bersatulah kita dan tunjukkan ketaatan kita kepada Raja dan Negara yang mana inilah negara ini, this is our country sehingga ke cucu-cicit kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya berkenaan Titah Ucapan Baginda dan saya sudah dengan ucapan terima kasih dan menyekong usul ini.

4.23 ptg.

Tuan Kam Woon Wah: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Thailand, Perdana Menteri kita Dato' Hussein Onn dalam satu ucapannya, beliau ada mengatakan iaitu Malaysia dan Thai adalah seumpama Siamese twins. Dalam huraian ucapan itu dapat digolongkan kepada dua bangsa besar di negara ini, iaitu Melayu dan China. Samada kita suka atau tidak akan dua bangsa ini ia adalah seperti Siamese twins dan tidak dapat dipisahkan. Teori Siamese twins ialah kuasa politik dan keteguhan ekonomi di mana kedua pihak tertakluk dan bergantung di antara satu sama lain. Kedua-dua bangsa ini menjadi sebahagian dari sistem kebangsaan negara, kerana itu masaalah dan kesulitan setiap bangsa ini adalah masaalah dan kesulitan yang semula jadi bagi setiap warganegara. Keadilan dan alasan yang menasabah mestilah basic setiap tindakan bagi setiap warganegara.

Modenisasi di kalangan aktiviti-aktiviti masyarakat adalah tercatat dari orang yang bijak dan pintar. Extremism lama-kelamaan tidak akan memberi keuntungan walaupun kes-kes kecil itu memberi keuntungan dalam

masa yang singkat. Hitler adalah satu contoh yang baik dalam mengamalkan extremism. Apa yang terjadi kepadanya adakah ia mati dengan kehormatan. Tidakkah dia sebagai contoh yang baik dalam naik dan jatuhnya extremism. Saya yakin ahli-ahli politik halus atau extremist dalam negara kita ini tidak ada satu peratus pun kebolehan Hitler sekiranya ada yang cuba oleh mereka ini dalam sejarah pendek Malaysia kita tahu apa yang telah terjadi kepada mereka. Sekiranya Ahli-ahli Barisan Nasional samada UMNO, MCA atau MIC ingin menjadi extremist atau ultra, tempat yang baik bagi mereka mestilah di pihak PAS, DAP atau di dalam lain-lain parti Pembangkang.

Tuduhan kepada Timbalan Perdana Menteri kita pada satu masa dahulu sebagai seorang ahli politik halus adalah tidak adil dan salah sama sekali dan kita telah salah anggap terhadapnya. Ia tentulah bukan seorang ahli politik halus tetapi seorang yang berfikiran tegas dan luas.

Polisi ekonomi baru telah disebarkan setelah 13 Mei, 1969. Keseluruhannya ia didapati sesuai dan disambut baik kerana ia adalah polisi yang baik bagi negara. Ada dua muslihat besar:

- (1) untuk mengelakkan kemiskinan dengan tidak mengira jiwa atau bangsa pun.
- (2) untuk merangkakan Persekutuan Malaysia supaya setiap bangsa melaksanakan hal ekonomi mereka itu berkurangan dan lama-kelamaan menaklukkinya.

Untuk melaksanakan dua muslihat ini ia telah diterima baik bagi meneruskan masaalah keuntungan ekonomi tetapi tidak bermakna mencuri untuk membayar, tentunya ini akan menyatukan dan mengamankan warganegara. Ini juga adalah satu langkah yang mana boleh membangunkan dan menyatukan setiap warganegara. Tetapi malangnya bila polisi ekonomi baru ini ditaklukkan, pihak penakluk dengan sedar atau tidak telah membahagikan rakyat Malaysia kepada bumiputra dan bukan bumiputra. Ini tidaklah disetujui dan diterima langsung. Apa yang mesti disetujui dan diterima ialah mengelakkan kemiskinan tanpa mengira jiwa atau bangsa pun. Bukan bumiputra yang tentunya yang miskin menentang dengan kebijaksanaan cara menaklukkan, cara polisi

ekonomi baru itu. Marilah kita berterusterang dan jujur, tidak cuba menunjukkan kepandaian dan kebodohan yang berlebihan dalam mengendalikan kerja dengan orang-orang kita.

Kita tidak dapat menafikan yang sebahagian dari jabatan yang mereka takluk telah terlanjur berikutan dengan adanya:

- (1) Biasiswa Persekutuan dan Negeri.
- (2) Perkhidmatan Awam.
- (3) Lesen dan permit.
- (4) Peluang pekerjaan.
- (5) Pelajaran.
- (6) tender-tender Kerajaan dan sebagainya.

Kerajaan akan berkata yang projek NEB dilaksanakan mengikut perkembangan ekonomi Malaysia, malangnya perkara ini tidak menjadi perhatian kerana ia mengutamakan bumiputra. Dengan ini timbullah perasaan tidak puas hati di kalangan yang bukan bumiputra kerana mereka tidak mendapat apa-apa kemudahan yang baik, kecuali sebilangan sahaja. Dengan ini juga tidak memberi peluang keemasan untuk anasir-anasir subversif merosakkan lagi keadaan negara ini.

Mengikut bilangan purata rakyat Melayu adalah 64%, China 26%, 39% adalah India yang mana menerima pendapatan kurang dari \$300 sebulan dan mereka termasuk di dalam golongan orang yang berpendapatan rendah.

Di atas perbelanjaan yang sama penduduk-penduduk di kampung China dijangkakan 60% terdiri dari golongan yang miskin. Mereka ini akan tetap menunggu jika diberi kepercayaan bahawa pertolongan akan datang. Dalam masa ini kumpulan propaganda diarah oleh parti Pembangkang atau diugut dari golongan-golongan lain dalam masa yang sama menuntut yang berpatutan atau sebaliknya. Dengan ini ketua-ketua hendaklah menjadi tulang belakang kepada mereka untuk menyelesaikan masalah.

Sekarang ini keutamaan diberikan kepada Barisan Nasional kerana ia berjaya membantu negara, menyatukan rakyat yang berlainan kaum dan agama. Seharusnya ketua-ketua ini boleh dianggap sebagai supermen.

Saya percaya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita boleh membawa kita kepada kebahagiaan di masa-masa akan datang. Janganlah hendaknya kita bercerai atau putus kepada kepercayaan terhadap mereka, tetapi marilah kita terus mengikut langkah mereka dan memberi penuh galakan dan siap sedia kita untuk kegembiraan negara kita Malaysia.

4.33 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan dengan kaum bumiputra dan selain daripada itu, saya akan bercakap di atas perkara-perkara yang lain.

Kaum bumiputra macam mana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Senator Kam Woon Wah tadi, sebelum 13hb Mei, 1969 kita lihat, lepas itu kita dengar, kita faham iaitu tidak siapa yang hendak menolong. Jikalau sedikit sahaja dapat kepada bumiputra, riuh-rendah orang lain, marah orang lain. Dengan sebab itu nasib baiklah tahun 1969 membukakan mata bumiputra, iaitu bumiputra tercicir di dalam negerinya sendiri. Kalau tidak dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Kam Woon Wah tadi, perkataan bumiputra yang beliau tidak suka mendengarnya maka saya tidak timbulkan perkara ini. Baik dia ultra atau saya ultra, tetapi saya selalu bercakap berkenaan dengan kemiskinan. Kemiskinan ini mestilah dihapuskan, tidak mengira bangsa, kulit, agama dan sebagainya, tetapi bumiputra ini dalam dasar Kerajaan selepas 13hb Mei, 1969 sama-sama kita ikuti, sama-sama kita dengar iaitu bumiputra dalam negerinya sendiri mempunyai cuma 2.5% sahaja perusahaan di tangan bumiputra.

Masa dahulu kita menjadi peon di bank-bank, menjadi watchmen, menjadi mata-mata dan menjadi askar. Ini kerja kita, menjaga negeri ini untuk kekayaan orang lain. Sebab itulah pembahagian harta pesaka dalam negeri ini mesti diberi sama rata, sama rasa dengan orang-orang lain. Adakah ini tidak patut? Adakah ini tidak adil? Saya ingat yang sepatut-patutnya dan seadil-adilnya dan tidak ada negeri di atas dunia ini

yang bumiputrnnya selain daripada Red Indians di Amerika, tidak ada lain bumiputra yang bertolak ansur seperti bumiputra di negeri kita ini.

Saya harap kepada orang lain mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya. Saya bukan bercakap sebagai extremist—tidak. Saya telah menjelajah banyak negeri dan juga bersekolah di negeri asing, hingga ke negeri China. Kalau perut lapar, kita tidak ada memandang bangsa. Itu saya mengerti dan saya faham. Saya tahu dan kenal. Saya berkehendakkan begitu dan begitulah yang dikehendaki di dalam Malaysia ini, tidak peduli samada China, Melayu, India dan lain-lain. Inilah tujuan kita semuanya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan sekarang selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.37 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Perbahasan disambung semula.

4.57 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi sekali lagi mengenai perkara sensitif yang tidak boleh ditimbulkan iaitu berkenaan dengan hak keistimewaan orang-orang Melayu (bumiputra) yang memang telah ada terjamin di bawah Fasal 153 Perlembagaan Malaysia sendiri tetapi tidak dijalankan sampai tahun 1969. Di situlah kesedaran bumiputra tercicir di belakang dan yang bukan bumiputra bersama-sama menyokong supaya bumiputra ini biarlah menjadi manusia yang celik sedikit, oleh itu buat apa ditimbul-timbulkan.

Berkenaan dengan pelajaran, berapa kerat bumiputra yang lulus daripada Universiti sebelum tahun 1969. Berapa banyak bumiputra menceburkan diri dalam perdagangan dan perindustrian. Berapa banyak lombong-lombong, kayu-kayan, kilang-kilang yang dipunyai oleh bumiputra sebelum tahun 1969, pada masa itu dikatakan cuma ada 2.5% sahaja yang dipunyai oleh bumiputra di dalam negerinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya yang lain-lain yang menjadi warganegara dalam negeri ini yang taat setia mestilah menolong bumiputra yang papa ini bukan mengeji dan mencaci.

Berkenaan dengan pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bumiputra tidak mempunyai pelajaran, maka di kilang-kilang berapa orang yang bekerja menjadi pegawai-pegawai di bank-bank dan juga di pejabat-pejabat asing. Oleh kerana pada masa itu kita tidak ada mempunyai pelajaran cuma selepas itu maka diadakan Universiti Pertanian, Universiti Kebangsaan dan sebagainya yang menggalakkan bumiputra belajar. Ini tidak boleh? Ini siapa yang rugi? Tiada siapa yang rugi. Untung semua bangsa Malaysia kerana bumiputrnnya bijak pandai.

Tuan Yang di-Pertua, siapa dia pemimpin-pemimpin bumiputra yang extremist? Tolong nyatakan. Ini mencaci dan mengeji. Ini menghiris jantung hati bumiputra. Tolong katakan, nyatakan siapa dia kalau berani?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pada masa akan datang tolonglah jangan ditimbul-timbulkan. Saya seru kepada bumiputra, mesti sedarkan diri, mereka di dalam negerinya sendiri, jangan menadah tangan minta sedekah, jangan menadah tangan menjadi pengemis. Bumiputra mesti mempunyai semangat yang kukuh oleh kerana kita selalu menghulur tangan, bumiputra menghulur tangan, kita dipandang rendah oleh sesiapaapun. Semangat inilah kalau hendak berjaya atau majunya Rancangan Malaysia Ketiga ini, semangat ini mesti ditanam dalam hati perut orang Melayu dan bumiputra kalau tidak Rancangan Malaysia Ketiga tidak akan jadi, ia akan gagal selama-lamanya. Bukan kerana wang sahaja yang boleh menjayakan rancangan-rancangan Kerajaan. Berapa banyak wang dicurahkan dalam Rancangan Luar Bandar

tetapi kalau tiada semangat untuk bekerja, Melayu akan layu di dunia ini. Jadi semangat jangan meminta sedekah oleh kerana kita menjadi Wakil Rakyat, menjadi Senator dan kalau ada tujuan, cadangan untuk meminta sedekah sampai bila masapun baik Wakil Rakyatnya atau Senatornya, kita akan menghulur dan menjadi tukang ia belaka. Dengan sebab itu semangat mesti gigih. Tengok bangsa Jepun berpecah-belah di zaman Meiji tetapi bangun dalam tempoh 25 tahun sahaja Russia boleh dikalahkan oleh Jepun, Manchuria habis disapu oleh Jepun, Korea habis. Apa sebabnya? Sebab semangat bangsanya dan pada hari ini sungguhpun mereka kalah dalam peperangan tetapi pada hari ini mereka adalah satu bangsa yang kukuh dalam iktisadnya. Apa sebabnya? Oleh sebab semangat bukan semangat untuk menghulur dan menadah tangan untuk menjadi bangsa yang meminta sedekah.

Pada hari ini bermacam-macam rancangan dibuat oleh Kerajaan untuk bumiputra dan lain-lain, tetapi jikalau bumiputra tidak ada semangat, untuk minta sedekah sahaja, kemudian beri kepada orang lain untuk pak tonggok, untuk pak anggok sampai bila-bilapun bangsa ini menjadi bangsa minta sedekah. Yang terutama sekali kepada bumiputra jangan dikecam dan jangan dihina. Jangan menjadi bangsa peminta sedekah. Pandai berdiri di atas kaki sendiri, diberi peluang, jalankan peluang itu. Pada hari ini diberi hutan, hutan digadaikan; diberi lombong, lombong digadaikan; diberi teksi, teksi digadaikan kepada orang lain. Bagaimana hendak maju? Apa kemajuan yang tercapai selama 20 tahun merdeka? Sesudah itu pula dengki mendengki, khianat mengkhianat di antara satu sama lain, jahanam menjahanamkan. Ini hendak maju? Sebab itu bumiputra ini dipandang rendah oleh orang lain. Patut sangat dikata oleh orang, sebab kita juga menjahanamkan diri kita. Tidak guna sembahyang lima waktu sehari semalam, tidak guna jikalau kita sembahyang, jikalau ada orang Islam, orang Melayu jika ada hasad dengki di antara mereka. Apa gunanya? Lebih baik tak usah sembahyang. Jangan berpura-pura. Ini yang banyak, bumiputra yang berpura-pura banyak. Saya bercakap ini dengan emosi tetapi ini adalah dari hati yang betul-betul jujur. Apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari

semalam, keluarkan, hamburkan. Sebab saya bukan Wakil Rakyat, saya tidak akan menjadi Wakil Rakyat, tidak dipilih oleh rakyat tidak menjadi apa. Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata keluarkan, pecahkan supaya orang Melayu boleh maju, bumiputra maju. Saya hancur jadi abu tidak menjadi apa, tetapi saya mempunyai semangat kebangsaan Melayu untuk meninggikan taraf hidup orang Melayu. Saya bercakap ini secara terus terang, kalau hendak maju dalam rancangan lima tahun ini kepada bumiputra, semangat yang kukuh mestilah ada. Janganlah apabila diberi oleh Kerajaan semuanya dijual, semua digadai, semu disesiakan, dan kita khianat mengkhianati di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, soal kemiskinan ini selalu saya kata-kata. Kemiskinan ini tidak peduli apa bangsa dalam negeri ini. Kita mesti hapuskan kemiskinan ini tidak mengenang bangsa, kulit, warna dan agama. Sebab kalau orang China miskin, dia tahu macam mana orang Melayu miskin. Begitu juga orang India, dia tahu bagaimana keadaan orang Melayu miskin—serupa. Sebagai manusia, saya bersimpati kepada semua bangsa yang duduk dalam negeri kita ini. Taraf hidup mereka mesti ditinggikan. Dua puluh tahun lamanya kita telah merdeka, memang banyak rancangan Kerajaan tetapi banyak rancangan-rancangan ini; saya bukan menyalahkan Kerajaan—tidak, Kerajaan betul-betul jujur untuk menjalankan rancangan demi rancangan untuk meninggikan taraf-taraf hidup orang-orang kita di negeri ini tetapi banyak yang gagal. Yang gagal jangan ditutup begitu sahaja. Yang gagal jangan dikatakan tidak gagal. Banyak di pejabat-pejabat, banyak di rancangan-rancangan yang gagal cuma macam kita menyapu, di bawah carpet supaya orang kata bersih sahaja. Yang gagal itu betul dikatakan gagal. Ini tidak mengaku, bila disoal oleh seorang Senator, misalnya, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, perkara ini Menteri akan jawab elok sahaja. Ini tidak bolehlah.

Jadi kalau begini gayanya tidak menjadi menafaat kepada rakyat, buat rancangan demi rancangan, satu rancangan ke satu rancangan yang lain, misalnya, rancangan menanam tebu di Perak gagal, rancangan menanam tebu di Johor gagal, rancangan menanam tebu di Bahau gagal. Adakah rancangan-rancangan ini dikaji benar-benar

kerana ini hendak menghapuskan kemiskinan? Ada atau tidak Kerajaan mengkaji benar-benar baikpun Kerajaan Perak, Johor atau lain-lain mengkaji yang tanah ini sesuai benar, acidity tanah itu tinggi atau tidak, tanah ini tidak sesuai tanam tebu oleh kerana hawanya (climate), banyak sangat hujan di tempat itu, sweetness ataupun air tebu itu tidak begitu manis rasa gulanya, content gulanya tidak begitu tinggi dan di segala-gala segi. Tetapi apabila rancangan dijalankan cuma rancangan dijalankan akhirnya gagal. Apa telah jadi kepada rancangan menanam ubi; Ubiyu namanya di Pahang—jahanam. Dan banyak lagi rancangan-rancangan begini yang banyak meninggikan taraf hidup rakyat. Ini satu perkara yang kita mesti ingat pada hari akan datang dan saya yakin dan percaya Kerajaan telah menyasiat di atas perkara ini.

Selain daripada itu, berkenaan kemiskinan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam tempoh 20 tahun, ada pepatah Inggeris mengatakan: Rome was not built in a day—Rome tidak boleh didirikan dalam satu hari. Itu kita tahu tetapi ini 20 tahun lamanya. Saya tengok apaibla saya dahulu bersekolah di Taiwan, bila lari daripada Canton pergi ke Taiwan, orang daripada Mainland of China masuk ke Taiwan itu semuanya memang bodoh-bodoh belaka, maklumlah orang lari ke Taiwan. Tetapi pada hari ini kehidupan rakyat di sana lebih maju, lebih berjaya daripada kita. Apa sebabnya? Negeri kita ini kita katakan dan Menteri-menteri juga mengatakan iaitu sebuah negeri yang memang kaya dengan minyak, dengan tebu, dengan kelapa sawit, dengan kayu-kayan, dengan timah, tembaga dan apa sahaja memang kaya, tetapi di sana apa yang ada? Tetapi bagaimana pertukarannya di dalam tempoh yang begitu singkat, saya balik pada tahun lima puluhan, hari ini kita tengok banyak sangat perubahan rakyatnya. Ini tidak boleh dinafikan, kemiskinan dapat dihapuskan sebab Chiang Kai-shek telah belajar bagaimana kekalahan di Mainland of China.

Kita juga oleh kerana musuh kita yang ketat sekali bukan sahaja dalam hutan, di Semenanjung Malaysia ini di dalam hutan yang bersenjata yang dikatakan communist terrorists, tetapi dalam bandar kita dapat tahu iaitu di dalam Kerajaan kita pun kita dapati iaitu dua orang Deputy Ministers kita adalah pembantu ataupun kominis.

Apa sebabnya, Tuan Yang di-Pertua? Sebab-sebabnya ialah kalau misalnya melaratlah kemiskinan ini, jikalau kita pula tidak beragama, tidak percaya kepada wujudnya Tuhan; dengan lekas sangat merebak fahaman ini, sebab fahaman ini fahaman kebendaan. Kalau seorang sahaja membuat satu propaganda mengatakan saya beri benda, orang ini tidak ada benda, dia suka mengikut orang yang ada benda, atau Kerajaan nanti mengatakan tuan-tuan semuanya dapat benda. Hari ini Kerajaan mesti betul-betul, bukan calang-calang lagi, bukan sengaja hendak dibuat sahaja—tidak boleh. Kalau hendak buat, buat betul-betul untuk menolong menghapuskan kemiskinan ini. Tidak ragu-ragu lagi pegawai-pegawai ini mesti bekerja betul-betul, begitu juga Menteri dan kita semua.

Cuba kita tengok di dalam bandar kita sahaja di Kuala Lumpur ini, berapa banyak setinggan-setinggan, berapa banyak flat yang didirikan di dalam tempoh 20 tahun? Barangkali Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim Yaacob salah seorang daripada Ahli Dewan Bandaraya di Kuala Lumpur, apa yang telah dibuatnya untuk membangunkan rumah-rumah murah dan flet-flet di Kuala Lumpur? (*Seorang Ahli Yang Berhormat: No money!*) Jawabnya: Tidak ada duit. Dia berbahasa Inggeris, saya tidak mengerti tetapi saya menterjemahkannya dalam Bahasa Melayu "Tidak ada duit", katanya. Perkara-perkara lain boleh buat, perumahan tidak boleh. Macam mana keadaan orang-orang miskin di Kuala Lumpur. Apabila pilihanraya kita hendak datang, kita minta tolong kepada mereka supaya mengundi. Hidupnya menderita, makan barangkali sehari sekali. Jadi dengan senang sahaja parti lawan mengatakan begini. Walaupun kita rasa berbangga atas kemenangan kita di sana sini, tetapi jangan kita berbangga sangat sebab propaganda-propaganda parti yang lain terutama sekali kominis apa yang telah kita buat dalam tempoh 20 tahun. Memang betul banyak yang Kerajaan telah buat tetapi tidak cukup. Kalau Kerajaan lambat membuatnya kos harga barang akan naik melambung, segala-gala naik melambung, lagi tidak ada berduit.

Cuba kita tengok di Singapura, kita pandang dengan biji mata kita sendiri, tidak usah pergi jauh. Kalau misalnya Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak dapat pergi ke

Singapura, tentu Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim Yaacob dapat pergi ke Singapura, tengok macam mana flet-flet yang didirikan oleh Lee Kuan Yew untuk orang miskin. Banyak flet tumbuh macam cendawan. Tidakkah boleh kita menengok, kita melihat, kita memandang, tidakkah boleh kita tiru? Kerajaan Singapura banyak duit? Malaysia lebih besar dan kaya dengan hasil minyak, getah dan sebagainya. Kata hendak menghapuskan kemiskinan dengan seberapa segera yang boleh sebab masanya singkat sangat. Kalau kita tidak buat lekas, saya takut komunis akan memerintah negeri kita.

Apa telah jadi kepada Kampuchea dan Vietnam? Tentu akan dijawab negeri itu miskin. Begitu juga dengan Laos dan Thailand. Ini dari hati ke hati saya bercakap. Kalau Menteri minta bukti, diberi bukti. Ini bukti di dalam pekan.

Cuba kita tengok di Kuala Nerang, Kedah atau Ulu Tembeling. Apa perubahan orang-orang kampung kita di sana, seperti rumah dan kehidupannya. Betul, saya tidak menantikan Kerajaan kita telah memberi tanah untuk membuka ladang yang besar-besar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Lima Tahun yang akan datang ini apa Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri berkata seboleh-bolehnya kita menghapuskan kemiskinan dengan seberapa segera yang boleh dengan rancangan-rancangan yang kita lihat pada hari ini. Dan saya harap sangat rancangan-rancangan ini akan berjaya supaya dapat tiap-tiap rakyat tidak peduli apa bangsa, samada dia bumiputra atau tidak dapat mengecapi kelazatan negeri yang kaya raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menyentuh bumiputra di bidang perindustrian dan perniagaan. Kita telah mendengar dan kita telah menengok serta membaca melalui akhbar yang mana baru-baru ini Yayasan Pelaburan Bumiputra telah diberi modal sebanyak \$200 juta bagi melancarkan rancangan-rancangan untuk meninggikan taraf hidup bumiputra. Wang sebegini banyak, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab adakah \$200 juta ini diberi tanpa bunga (interest) ataupun \$200 juta ini diberi kemudian dibayar bunga. Kalau tidak, memang baiklah. Sekiranya kalaulah dikehendaki membayar faedah misalnya 6%-8%, tetapi

sekurang-kurangnya 8% saya percaya, kalau \$200 juta tidak boleh mendapat untung 9%, daripada wang ini bermakna rugi besar. Apa yang kita modali tadi akan mendapat kerugian yang besar sepertimana yang kita dapat kerugian yang dialami oleh setengah-setengah perbadanan. Siapa sahaja yang menjadi pemandunya nanti mestilah menengok wang \$200 juta yang diberikan modal ini dijalankan dengan baik dan teratur supaya sekurang-kurangnya kita mesti mendapat keuntungan 15% pada tiap-tiap tahun.

Di sini mestilah dipilih apa skim atau apa projeknya yang mesti kita buat. Jangan projek-projek yang kita fikir hendak buat, kita buat. Ini akan menyebabkan kita mengalami kegagalan seperti projek UBIYU dan lain-lain. Kalau kita menanamkan modal, modal-modal kita mestilah sesuai dengan projek-projek yang betul-betul baik lagi menasabah yang memberi keuntungan kepada kita. Kalau tidak, esok, rakyat yang membayar cukai akan menuduh, ini lagi sekali bumiputra diberi pinjaman \$200 juta, mereka tidak boleh buat apa-apa. Tidak boleh buat apa-apa, tidak boleh untung. Ini kita akan didakwa balik. Sebab itu kita hendaklah berhati-hati atas perjalanan-perjalanan badan-badan yang akan mentadbirkan wang ini. Sebab kita ada mempunyai pakar-pakar untuk mengawasinya. Saya harap pakar-pakar yang ada di hadapan saya ini boleh menjalankan betul-betul cekap untuk mendapatkan keuntungan yang baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya hendak menimbulkan sedikit perkara berkenaan dengan bumiputra di Pulau Pinang. Saya bukan orang Pulau Pinang, tetapi saya selalu pergi ke Pulau Pinang dan saya rasa rusing menengokkan keadaan orang-orang Melayu di Pulau Pinang.

Saya tahu telah beberapa kali Menteri-menteri pergi ke sana dan berjanji serta terus berjanji akan menengokkan keadaan orang kita di sana. Tuan Yang di-Pertua juga selalu pergi ke Pulau Pinang; saya minta maaf kerana menimbulkan nama Tuan Yang di-Pertua; dan Senator dari Pulau Pinang pun ada tetapi saya sebagai Ahli Dewan ini barangkali boleh juga menimbulkan perkara ini. Orang lain mendirikan mahligai, hotel yang cukup cantik macam Rasa Sayang Hotel tempat orang bersuka-ria dan

banyak orang dari luar negeri datang dengan jet dan lapangan terbang di sana telah dibesarkan lagi untuk menerima pelancung dan menengok orang-orang Melayu duduk di pondok-pondok di tepi laut. Itukah tujuannya bagi pelancung tengok orang Melayu begitu? Rumah hampir hendak rebah ke laut, ataupun nampak langit! Betul atau tidak begitu? Ini sudah berapa lama kita merdeka. Soal ini bukan tidak diperjuangkan oleh orang-orang bumiputra di Pulau Pinang, tetapi apakah yang Kerajaan kita telah buat?

Bolehkah dengan berjanji begitu sahaja. Tidakkah orang Melayu di Pulau Pinang yang sebegitu sedikit tidak boleh tengokkan. Rancangan tanah ataupun rancangan apa pun tidak ada di sana. Tidakkah boleh ditolong? Hendak menengok rumah kedai? Di Pulau Pinang satu pun tidak nampak. Rumah kedai bumiputra satupun tidak nampak. Ada kedai makan orang Melayu, tetapi di dalam rumah sebab tidak ada modal hendak membuat kedai, kedai ini terletak berhampiran dengan Hotel Rasa Sayang. Inikah yang kita boleh banggakan dalam tempoh 20 tahun? Pulau Pinang yang kita banggakan dengan kecantikannya dan yang selalu dipropagandakan di seluruh dunia sehingga orang Jerman datang, orang Jepun datang dan segala-gala orang datang. Inikah yang patut kita banggakan yang kehidupan bumiputrapunya hodoh? Walaupun saya style memakai necktie tetapi saya merasa malu kepada keadaan bumiputra kita sendiri. Jadi saya mintalah sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri "hamborkanlah", ini adalah bukti yang nyata dan yang nampak, barangkali perkara ini akan disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang. Sebab lama sangat, adakah menunggu sehingga sampai pilihanraya? Apabila sampai pilihanraya tentu orang akan mengatakan Kerajaan akan berjanji lagi dan selepas pilihanraya tidak dilaksanakan. Jangan kerana undi, tetapi ialah kerana membela nasib bangsa, meninggikan taraf bangsa supaya kita jangan lagi ditegur oleh orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyetujui berkenaan dengan bandar Kuala Lumpur dan pegawai-pegawai yang bertugas. Kalaulah bumiputra atau orang-orang lain hendak berjumpa pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini kesemua pegawainya sombong-sombong,

mereka tidak tahu kita membayar assessment untuk membayar gaji mereka. Sebagai contoh Yang Berhormat Puan Zawiyah telah terkena apabila pergi ke sana mereka marah. Adakah pegawai hendak marah kepada rakyat yang datang hendak bertanya dan sebagainya? Rakyat boleh marah kepada perjalanan Bandar Kuala Lumpur sebab kotor, di belakang-belakang kedai terutamanya. Kita lihat di Singapura sebersih-bersihnya ditanam dengan pokok-pokok yang menghijau. Kalau tanah kita ini tidak boleh ditumbuhi pokok dan tidak boleh ditanam bunga tidak mengapalah. Kalau kita lihat tong bunga di tepi jalan jarang disiram, bunganya pun tidak ada, lalang lebih tinggi daripada bunga. Perkara ini rakyat mestilah marah kepada mereka yang membayar cukai-cukai, tetapi tidak menjalankan tugasnya. Tengok sahajalah tiap-tiap kali hujan akan menjadi bah bandar Kuala Lumpur, jadi apa yang mereka buat? Ini adalah sebuah bandaraya yang menjadi pusat negeri kita. Kalau hendak bukti saya boleh bawa dan saya boleh tunjukkan lalang, longkang dan jalan tidak baik. Misalnya, di Kebun Bunga, bunga apa yang ada? Jika di tepi jalan di Singapura penuh dengan pokok bunga, rumputnya berpotong elok, kalau tidak ada ongkos hendak membayar—mustahil, jadi kita mintalah kepada pegawai-pegawai ini biarlah bersopan-santun kepada rakyat, kalau tidak percaya tanyalah kepada Yang Berhormat Puan Zawiah beliau sudah terkena.

Selain daripada itu, saya hendak bercakap berkenaan dengan perikanan dan dalam masalah ini saya hendak bangkitkan berkenaan dengan nelayan dan sekarang telahpun ditubuhkan MAJUIKAN. Tetapi cuba kita tengok nelayan kita tidak ada perubahan, cuma melepaskan batuk di tangga sahaja, bukan betul-betul hendak menolong atau meninggikan taraf hidup kaum nelayan. Orang tengah masih berleluasan, jika kita pergi ke Kuala Selangor, di tengah-tengah laut sudah ada orang tengah. Kalau kita katakan di tengah laut ada orang tengah, Menteri akan menjawab macam mana di tengah laut ada orang tengah. Perkara ini kita patut adakan satu undang-undang yang mensyaratkan tidak boleh orang tengah ini membeli ikan di tengah laut, kalau didapati oleh Kastam atau Polis orang ini boleh ditangkap, jadi tidaklah perkara ini berlaku. Orang tengah ini membeli ikan cukup murah

samada nelayan Melayu, China, India, selama-lamanya begitulah dan kita tengok selama ini nelayan-nelayan kita hidup di tepi sungai, di tepi laut melainkan di Pulau Pinang saya lihat ada perubahan. Di lain tempat cara kehidupannya tinggal di tepi sungai itu menggunakan pelantar-pelantar atau papan dan di situlah mereka duduk. Nelayan-nelayan ini hendaklah diberi perubahan dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia Ketiga ini. Perkara ini hendaklah betul-betul diperhatikan dan nelayan-nelayan kita termasuk juga anak-anak nelayan hendaklah dilatih betul-betul bukan sahaja cara membawa sampan berkayuh seperti datuk nenek kita dahulu berkayuh sampan ke sana ke mari menangkap ikan. Mereka ini mesti dilatih betul-betul, dibawa ke luar negeri, dimasukkan mereka ke dalam kapal-kapal menangkap ikan yang besar-besar supaya pada satu hari akan datang mereka ini boleh menangkap ikan di laut yang luas. Pada hari ini sampan kolek pun payah bagi mereka untuk membelinya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada satu perkara penting iaitu berkenaan dengan pengaduan orang-orang daripada kawasan perumahan Damansara Utama. Orang-orang kita yang tinggal di Damansara Utama ada menulis surat kepada Kementerian Pelajaran mengatakan ada sekeping tanah di sana di-khaskan untuk sekolah dan sekolah hendaklah didirikan untuk semua bangsa.

Surat itu telah dihantar kepada Kementerian, kemudian Kementerian jawab dan saya minta izin untuk membaca surat ini sebab ini penting. Tiga bulan selepas dia menulis surat ini baru dijawab.

“Ketua UMNO Cawangan
Damansara Utama,
No. 1, Jalan Pita,
SS 21/9, Damansara Utama,
Petaling Jaya

Dengan segala hormatnya sukalah saya memaklumkan bahawa surat saudara bertarikh 17hb Januari, 1978 berhubung dengan perkara tersebut di atas (sekolah di Damansara Utama) diucapkan berbilang terima kasih. Saya memohon maaf kerana terlewat memberi jawapan di atas perkara yang dibangkitkan itu.

Pada menjawabnya sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran masih belum lagi membuat sebarang

keputusan berhubung dengan cadangan untuk mendirikan sekolah China di kawasan perumahan Damansara Utama oleh kerana perkara tersebut masih lagi dalam proses perundingan”.

Maknanya pada 30hb Mac apa-apa pun tak ada—sekolah China, sekolah apapun tak ada.

“Pihak Kementerian akan mengambil berat di atas pandangan-pandangan yang diberikan oleh saudara dalam perkara ini. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak saudara yang telah sudi membangkitkan masalah ini untuk perhatian Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

salinan:

Saudari Nasubah Sudirman,
Bahagian Pembangunan dan Perbekalan,
Kementerian Pelajaran.

(Bersama-sama ini surat berkenaan untuk perhatian saudara”.

Kalau misalnya sesiapa sahaja dari Kementerian Pelajaran berkehendakkan satu salinan, saya ada tiga salinan dan saya akan berikan satu.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya timbulkan di sini oleh kerana mengikut dasar pelajaran kita sekolah-sekolah jenis kebangsaan sahaja yang boleh didirikan, tidak boleh sekolah lain daripada itu, sekolah Tamil tidak boleh, sekolah China tidak boleh, cuma sekolah jenis kebangsaan sahaja yang boleh didirikan. Sebelum 30hb Mac sekolah itu sudah didirikan, surat tak sampai sekolah sudah didirikan. Ini dia sekolah itu—“Puai Chai” namanya (gambar sekolah tersebut berukuran poskad ditunjukkan di dalam Dewan). Sesiapa hendak gambar ini saya boleh beri. Bagaimana Kementerian menulis surat bertarikh 30hb Mac mengatakan tidak ada apa-apa, belum ada lagi apa-apa sebab orang mengatakan sekolah ini mestilah mengikut polisi yang tercatat terhadap sekolah, memorandum ini dihantar kepada Menteri dan dijawab pada 30hb Mac mengatakan belum lagi ada apa-apa, tetapi sekolah sudah terdiri bukan sekolah jenis kebangsaan, bagaimana dasar Kerajaan dalam pelajaran.

Saya yakin dan percaya ada sabotaj di dalam Kementerian Pelajaran, kalau tidak, tidak boleh jadi begini sekolah sudah terdiri semua orang tak tahu, Menteri pun tidak

tahu. Adakah Yang Berhormat Datuk Musa Hitam tahu di atas perkara ini? Saya yakin beliau tak tahu, bagaimana rakyat tidak hendak percaya. Catitan-catitan ini boleh saya beri kalau dikehendaki. Saya minta supaya menyenangkan hati orang di situ, pembangunan ini mestilah sekarang dihentikan sementara waktu. Saya tak tahu masalah politik tetapi saya percaya ada sabotaj yang dijalankan di dalam Kementerian Pelajaran. Saya minta kerjasama daripada Menteri Pelajaran untuk menyiasat sedalam-dalamnya mengenai perkara ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bawa berkenaan dengan Ahli-ahli Parlimen Dewan Negara. Pada waktu sidang yang lepas saya telah mengatakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan cadangan saya, ini telah pun dijalankan dalam negeri kita iaitu local council, town council yang dipilih oleh rakyat dahulu dan juga yang dilantik oleh Kerajaan, macam kita yang dilantik oleh Kerajaan sebagai Ahli Dewan Negara dan juga di Ibukota Kuala Lumpur yang dilantik oleh Kerajaan. Ahli-ahli di situ tiap-tiap bulan memang bertugas betul-betul menjalankan dasar-dasar, menengokkan pelan-pelan dijalankan betul-betul, menengokkan Bandar Kuala Lumpur atau Petaling Jaya, jalanrayanya bagaimana, sekolahnya bagaimana mengikut dasar-dasar, bukannya kita datang 6 bulan sekali, 3 bulan sekali di dalam Dewan ini bercakap macam saya bercakap. Ini telah dijalankan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun telah terfikir di atas perkara ini yang telah kita jalankan di lain-lain peringkat town council Ibukota.

Saya minta pada satu hari akan datang difikirkan oleh Perdana Menteri jikalau perkara ini baik, iaitu tiap-tiap wakil atau Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Senator dilantik dalam satu-satu komiti di mana mereka ini dapat memberikan fikirannya kerana setengahnya dilantik oleh rakyat dan setengahnya dilantik oleh Dewan Undangan Negeri, biar dia dapat bersama-sama menjalankan tugas masing-masing bukan sahaja untuk mesyuarat begini, dalam town council juga mesyuarat sebulan sekali atau tiga bulan sekali itu mereka bersuara juga tetapi selain daripada itu ada sub-committee. Saya pun ada dalam komiti misalnya foreign service tetapi tidak pernah sekali mesyuarat, entah apa dia saya pun tak tahu atau dalam

komiti perdagangan dan perusahaan tetapi tidak ada apa pun yang saya tahu, tidak ada dipanggil mesyuarat, tidak ada dirundingkan. Jadi bukan hendak begitu—nama sahaja tetapi tidak bergerak, yang kita hendak perkara itu betul-betul bergerak, itu dikehendaki oleh kita. Satu perubahan yang kecil—itu sahaja. Bukan kerana saya hendak apa-apa—tidak, tetapi ini dikehendaki oleh kita semua.

Selain daripada itu, berkenaan ASEAN. ASEAN ini ialah Malaysia dengan ASEAN, ASEAN dengan Kominis China, ASEAN dengan Russia, ASEAN dengan dunia dan sebagainya. Saya hendak bercakap mengenai Malaysia dalam ASEAN. Yang saya hendak Malaysia dalam ASEAN ini jangan orang lain nanti mendapat keuntungan yang lebih daripada kita. Orang lain maknanya pada negeri yang kecil mendapat keuntungan yang lebih besar. Di sana tempat industri yang boleh menghantar barang-barang ke negeri-negeri yang ada banyak manusia, jadi keuntungannya bukan kepada Malaysia, tetapi keuntungannya kepada negeri yang kecil. Ini yang kita tidak hendak. Kita hendak bersatupadu dan sebagainya tetapi kita tidak hendak kita rugi dan orang lain untung, tetapi kita hendak biarlah sama-sama untung. Kita tidak hendak bertolak ansur, sebagaimana kita berbuat di masa yang lepas.

Selain daripada itu, ASEAN dengan Kominis China ini juga, sekarang sungguhpun kita sudah ada menjalankan diplomatic relations dengan Kominis China, Singapura dengan Indonesia belum, Filipina sudah ada, Thailand pun sudah ada, International Communist adalah International Communist. Kominis di atas dunia ini walaupun apa treaty sekalipun yang dibuat, tetapi subversion akan terus berjalan. Saya tidak anti Kominis China sebab dalam hutan negara Malaysia ini memang banyak Kominis China yang dikatakan Communist Terrorists ataupun di dalam bandar yang dikatakan underground. Itu saya tidak kuaratir, sebab kita ada pasukan senjata dan sebagainya. Hampir 20-30 tahun penganas kominis berperang dalam hutan, tetapi belum juga dapat negeri kita. Tetapi soal yang penting, apabila jatuhnya Vietnam, jatuhnya Laos, jatuhnya Kamboja negeri Siam kucar-kacir, pemberontakan students dan sebagainya, di sini lah kita datang kuaratir, iaitu kominis yang di dalam hutan ini akan dapat memerintah negeri kita.

Setengah orang-orang Melayu berfikir iaitu lebih baik kita mencari kominis yang lain. Kita cari Komunis Russia pula. Russia memang suka, sebab jikalau Komunis China dapat negeri Malaysia, satu daripada jalan perkapalan (shipping route) akan tersekat melalui Selat Melaka ke territorynya yang ada di Timur Jauh Vladivostok, sungguhpun ada Siberian Railway. Keduanya iaitu bahan-bahan mentah daripada negeri kita akan semua dibolot oleh Komunis China. Yang ketiga, penduduk yang hampir 300 juta orang di ASEAN akan di bawah arahan Komunis China. Ini akan membahayakan kedudukan Russia di Timur Jauh dan juga Eropah keseluruhannya. Dengan sebab itu, Russia juga menyeludup dalam negeri kita ini dan kita tahu mereka telah menyeludup, iaitu Russian Embassy di Kuala Lumpur. Ada orangnya yang telahpun lari ke Russia memainkan peranan yang penting untuk penyeludupan subversive elements dalam negara kita. Di dalam parti kita sendiri yang pada hari ini kita tahu iaitu Abdullah Ahmad, Abdullah Majid, Samad Ismail dan sebagainya dan saya takut lebih banyak lagi ada di kalangan kita. Ini yang lebih merbahaya. Ini bukan dongeng, tetapi adalah dari hati ke hati sebab kominis adalah licin menjalankan peranan-peranan mereka, laga melaga di antara satu pihak dengan satu pihak yang lain untuk mereka dapat memerintah negeri ini. Dengan cara inilah mereka boleh memerintah negeri kita. Dengan sebab itu, kita jangan terpedaya di atas taktik-taktik mereka ini dan kita tahu betul mereka memang licin di atas perjalanan ini. Cara mereka laga melagakan di antara pemimpin dengan pemimpin ini dengan halus dan tidak disedari, ini adalah satu perkara yang merbahaya kepada bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, ingatan ini bukanlah dengan tujuan apa-apa, tetapi adalah satu ingatan yang suci yang boleh ditegur, yang boleh dinasihatkan jika sekiranya hendak tahu lebih tentu sekali Special Branch ada, polis ada dan segala-galanya ada yang boleh menyiasat perkara ini, tetapi ada banyak lagi, bukan itu sahaja yang kita boleh terima, tentulah Samad Ismail dan bukan dengan pengikutnya yang dua orang sahaja, tetapi banyak pengikut-pengikut yang lain yang mesti kita bersihkan bersama dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya telah bercakap lebih kurang satu jam dan ramai lagi yang hendak bercakap, saya sekali lagi meminta kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, oleh kerana ada undang di sebalik batu, apa yang saya katakan berkenaan dengan sekolah tadi yang dijalankan oleh Paramount Garden. Paramount Garden inilah yang menjalankan peranan kerana Paramount Garden ini yang develop kawasan itu, dan kawasan sekolah ditukarnya, ini mengikut pengaduan orang-orang di sana, yang boleh disiasat, barangkali dan dalam Kementerian surat-surat itu, ditukarnya kawasan dan tempat itu kepada Sekolah China Ceylon Lane. Apa sebabnya? Sebabnya di Ceylon Lane itu harga tanah lebih mahal, sekolah di sana ditukarkan ke sekolah ini, didirikan sekolah itu di Damansara Utama ini dengan belanjanya sebab ditukarkan kepada tanah yang ada di Ceylon Lane. Tentu pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tahu di atas perkara ini, apa telah terjadi kepada sekolah di situ (Ceylon Lane). Tuan punya Paramount Garden adalah juga jawatankuasa Sekolah Rendah China Ceylon Lane.

Di kawasan Damansara Utama, di Kampung Ara banyak orang bumiputra, Kampung Damansara dan di Damansara Utama lebih kurang 40% orang Melayu. Jadi, mustahaklah didirikan sekolah jenis kebangsaan di situ dan jikalau ada sekolah yang dikatakan hendak ditukarkan oleh Paramount Garden ini dia boleh cari tempat yang sesuai di dalam Kuala Lumpur, bukan di lain territory iaitu di Damansara Utama di Negeri Selangor dan bukan di kawasan-kawasan Kuala Lumpur. Perkara ini saya minta pihak Biro Siasatan Negara menyiasat, saya minta pihak Bandaraya menyiasat dan saya minta Kementerian Pelajaran menyiasat kerana ini adalah permainan yang jahat yang dilakukan oleh pihak tertentu.

6.00 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya pada petang ini mengambil bahagian membuat ucapan menyokong usul sahabat saya Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin bagi melafazkan ucapan terima kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong kerana Titahnya dalam pembukaan Penggal Keempat Parlimen Keempat pada 20hb Mac, 1978.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di dalam ucapan Baginda banyak perkara dan banyak fasal yang telah dititahkan iaitu suatu gambaran yang akan dan sedang diperbuat oleh Kerajaan bagi tahun-tahun yang akan datang. Saya suka menyentuh satu-dua perkara. Yang pertama sekali dalam masalah negara kita, kita patut berterima kasih kepada golongan pasukan keselamatan yang mengawal negara kita terutama Polis dan Tentera. Walaupun pada masa ini gaji mereka telah dinaikkan, maka sayugialah Kerajaan memikirkan semula pintu masuk pertukaran sekim itu daripada gaji lama kepada gaji yang ada sekarang. Saya beri satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, seorang Mata-mata yang telah berkhidmat selama 25 tahun mendapat gaji penuh \$520 mengikut gaji baru, akan tetapi seorang Polis juga yang telah naik Koperal gajinya pada masa itu \$460, oleh sebab dia naik Koperal gajinya turun \$30. Pangkatnya naik, Tuan Yang di-Pertua, tetapi gajinya kurang. Lepas tiga tahun kawannya yang pangkat perebet telah sampai gaji maksima, tetapi Koperal itu masih menunggu lagi dan kurang \$60.

Yang Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya suka pihak Kerajaan memikirkan kenaikan gaji pegawai-pegawai tinggi berlainan dengan kenaikan gaji kakitangan rendah sebagaimana saya katakan tadi. Seorang pegawai Kerajaan yang bergaji penuh \$1,250 apabila pertukaran gaji baru dia dipindahkan ke gaji maksima dalam sekim yang baru, akan tetapi polis biasa yang saya katakan tadi tidak terus dapat gaji maksima. Jadi, point of entry itu patut dibetulkan kerana mereka itu tak ada persatuan, tak ada tempat kepada siapa dia boleh bercakap. Dan amalan Menteri Dalam Negeri, seseorang Polis Hutan yang dinaikkan ke pangkat Koperal apabila bertukar ke dalam pasukan Polis biasa, pangkat Koperalnya hilang, gajinya pun turun. Bila kita kemukakan kepada Kerajaan, ditanya pula mana buktinya? Takkan mahu anggota polis itu menyatakan buktinya, sebab dia tahu kalau dia menyatakan buktinya, dia akan balik ke hutan semula, sedangkan anak-anaknya tinggal dan dia terpaksa berkhidmat semula dalam pasukannya yang lama. Jadi kalau perkara yang semacam ini tidak dibetulkan, saya fikir tentulah pihak Pasukan Keselamatan itu terutama Polis tidak akan berpuas hati dalam masalah yang saya katakan tadi. Saya boleh buktikan, orang yang berkenaan itu ada, tetapi

saya tak mahu sebutkan sebab takut dia teraniaya. Saya berharap supaya pihak pegawai-pegawai tinggi Polis dalam masalah gaji ini tolonglah betulkan kerana tidak puas hati atas kenaikan gaji itu dan banyak layanan yang patut dipertimbangkan kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Kerajaan yang telah membuka rancangan tanah yang besar di Kelantan iaitu Kelantan Selatan dan telah menyatakan akan membuka lebuh raya daripada Kuala Krai melalui Gua Musang dan juga sampai ke bandar Kuala Lipis, tetapi apabila saya mendengar taklimat di Jabatan Perdana Menteri, maka saya nampak catitan alignment jalan itu tidak menguntungkan dan tidak berfaedah kepada Bandar Kuala Lipis. Rakyat daerah Kuala Lipis lebih kurang 50,000 orang berharap supaya bandar yang telah ditinggalkan dahulu pada satu ketika menjadi kepala negeri Pahang, yang hari ini sudah menjadi sebuah bandar yang mati dan ketinggalan, samalah nasibnya dengan bandar Taiping sebab ada jalan baru yang memotong daripada Ipoh ke Pulau Pinang. Jadi bandar Taiping sudah ketinggalan. Jadi sekarang ini ada ura-ura Kerajaan, malah sudah menjadi hajat Kerajaan hendak membuka lebuh raya dari Gua Musang ke Kuala Lipis, maka lantasan jalan itulah yang perlu dipertimbangkan iaitu mengikut di sebelah kanan daripada Kuala Lipis ke Gua Musang. Rancangan Kerajaan sekarang ialah membuka jalan daripada Gua Musang di sebelah kiri dan jalan itu kelak akan terus ke Raub. Kerajaan Negeri telah memberikan persetujuan bagi membuka 50,000 ekar tanah kepada FELDA sebagai asas pembukaan jalan itu dengan adanya bantuan daripada Kerajaan Pusat membuat lebuh raya, maka jalan itu boleh menuju ke arah yang saya sebutkan tadi, maka ini akan menguntungkan daerah Kuala Lipis.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah banyak kali bercakap atas masalah jalanraya tetapi perhatian ini bukan tidak dapat diambil oleh Kerajaan, tetapi tidak mahu dijawab oleh Menteri berkenaan di dalam Dewan ini. Biarlah saya bertanya terus terang kepada Menteri Kerja Raya, apakah sebab cadangan jalanraya daripada Cameron Highlands tidak dibuat turun ke negeri Pahang. Tolong jawab di dalam Dewan ini. Sebab saya dan wakil-wakil rakyat yang ada dalam negeri

Pahang itu telah mendapat suatu tuduhan tidak memperjuangkan masaalah ini kepada peringkat yang setinggi-tingginya.

Saya harap dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kalau pun tidak boleh buat, nyata-kan akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Keempat tetapi permohonannya tidak ada berjawab, permintaan tidak ada diikuti dengan jawapan maka saya rasa tentulah perkara ini kelak akan merugikan dan lebih-lebih lagi pada masa akhir-akhir ini bahawa negara kita telah berubah dengan begitu cepat dan rakyat berharap perubahan itu dapat dinikmati dengan kadar yang segera jikalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara ini kita banyak mendengar rakyat kekurangan tanah tempat mereka duduk, tempat mereka menginap terutama sekali penghuni-penghuni Kampung-kampung Baru yang mereka telah mendiami lebih daripada 20 tahun, mereka tidak mendapat geran ataupun qualified title. Apakah sebabnya maka masaalah ini sudah sampai 20 tahun penghuni-penghuni Kampung-kampung Baru masih belum mendapat qualified title. Kita boleh menjawab dalam Dewan ini bahawa kuasa tanah ialah kuasa Kerajaan Negeri, jadi kalau kita berlepas tangan, Kerajaan Negeri pula akan menjawab, ia kurang pegawai. Teringatlah kita cerita ular dengan katak. "Apa sebab dipanggil hujan, macam mana aku tak panggil hujan, kerana ular hendak makan aku". Jadi, kita haruslah mengatasi masaalah ini. Tempat duduk yang mereka duduk selama 20 tahun belum dapat geran sedangkan anak yang baharu kahwin pada masa mula-mula duduk dahulu, sekarang sudah bercucu, geran tanah belum dapat, 5 tahun kita mengundi, perkara ini akan jadi kaitan dengan perjalanan pentadbiran negeri kita. Saya harap dan saya tidak tahu mana salahnya ini, tetapi bila dinyatakan di sini, Yang Berhormat Menteri akan menjawab bahawa ini kuasa negeri; apabila ditanya Kerajaan Negeri katanya ia kekurangan pegawai, dan sudah minta pegawai, Kerajaan Pusat tidak beri pegawai. Tetapi bolehkah sampai 20 tahun tempat duduk di Kampung-kampung Baru yang kita atur tidak selesai. Saya tidak hairan, kalau sekiranya orang-orang Melayu dapat berpindah kepada rancangan-rancangan tanah yang ada dalam negeri ini tetapi saudara kita orang Tionghua mereka lebih suka duduk di kawasan tanah yang dimiliki sendiri, bekerja pagi dan petang

dengan tidak mengira waktu dengan hasil tanaman-tanamannya dengan tidak dikawal oleh sesiapa maka ini fahaman orang-orang Tionghua, tetapi apa yang kita maksudkan sekarang kalau tempat tinggal ini sendiri pun masih belum selesai, bagaimana masaalah-masaalah yang lain. Sungguhpun perkara ini kecil kalau difikirkan, tetapi ia membawa kesan yang besar kepada mereka itu. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat mengikuti dan mengkaji masaalah ini supaya harapan daripada penghuni-penghuni Kampung-kampung Baru akan dapat dipenuhi kerana masaalah ini telah lama berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini di antara kaum wanita dengan kaum lelaki sudah sama taraf dan kita pun telah dapat gaji yang sama, membuat kerja yang sama dan ini satu kebanggaan kita bahawa kaum wanita kita sudah pula menyambut seruan dan sambutan kepada kehendak-kehendak dan kemampuan negara kita. Saya mencadangkan supaya Kerajaan menimbang dan menubuhkan sebuah Pasukan Tentera Wanita dan yang ada sekarang ini pun tidak mencukupi kekuatannya. Kita hendak menengok satu masa kalau hayat kita ada lagi kaum wanita menjadi Jeneral. Ini bukan perkara main-main, kerana kebolehan wanita ini kita akui mereka boleh buat dalam semua kerja dan kita mestilah bersama sebab sekarang ini kita tidak beri mereka peluang.

Empat puluh tahun dahulu, apabila kita menubuhkan pasukan Askar Melayu kekuatannya hanya seramai 25 orang, semua orang tidak percaya bahawa pasukan itu akan berkembang, besar dan sekarang ini menjadi kebanggaan kita bersama bahawasanya pasukan yang ditubuhkan pada tahun 1933 dahulu seramai 25 orang itu menjadi tapak asas kekuatan tentera kita pada hari ini. Dan sudah sampailah masanya Kerajaan menimbangkan sebuah Pasukan Tentera Wanita ditubuhkan, baik dalam tentera darat, tentera laut mahu pun tentera udaranya. Kita tahu tentera udara sekarang ini dia cuma melayan dalam kapalterbang, pangkatnya sarjen, lain tidak ada. Kita berbangga dan kita mengharap, kita merestui bahawa satu masa nanti banyak wanita kelak akan menjadi Panglima bukan sahaja sanggup memikul senapang, menahan serangan dan mengelak musuh tetapi juga sanggup berganding bahu di antara lelaki dan perempuan bagi menjaga tanahair kita yang kita cintai ini.

Saya berasa besar hati, kerana Pasukan Polis Hutan telah dianggotai oleh wanita dan menunjukkan ketabahannya sebagai ahli Pasukan Polis Hutan sanggup mendaki gunung, menurun lurah dan sebagainya dan kalau Pasukan Polis Wanita Hutan ini sudah boleh menunjukkan satu bukti yang kuat dan nyata, mengapa pula tentera tidak kita beri peluang kepada wanita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak Hakim dalam negara kita ini tetapi tidak ada seorang wanita pun menjadi Hakim, sedangkan syarat seseorang itu boleh dilantik menjadi Hakim bukan sahaja melalui perkhidmatannya, tetapi kalau dia menjalankan amalan professionnya sebagai peguam lebih daripada 10 tahun, kita boleh lantik dia sebagai hakim. Kita ada wanita menjadi lawyer lebih 20 tahun tetapi kita hantar dia jadi Duta. Dan sekarang cubalah kita pinda sedikit kalau tidak boleh 10 tahun, kita rendahkan sedikit, sebab mereka kurang. Orang perempuan ini cukup adil, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*). Kalau dia tidak bagi, dia tidak bagi, dan kalau dia menjatuhkan hukumannya ialah dengan rasa yang penuh timbangrasa kerana dia juga seorang ibu dengan ada pengalaman, sebab seorang ibu itu adalah keadilan baginya. Tetapi apa salahnya kita cuba satu atau dua. Memang ada orang yang kita fikir layak tetapi kalau kita tidak mahu bagi tiadalah orangnya, Tuan Yang di-Pertua, dan kalau ada undang-undang kita pinda dan kalau benda itu boleh kita pinda dengan perlembagaan, silalah bawa ke Dewan dan saya seorang daripadanya adalah menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa Kerajaan-kerajaan Perikatan dahulu memerintah negeri kita banyak dihantar ahli-ahli politik di negara kita yang berkemampuan menjadi Duta-duta di negara-negara asing. Akan tetapi pada masa yang akhir-akhir ini langkah itu telah tidak dijalankan. Saya berasa bersyukur kepada Tuhan jikalau pandangan-pandangan saya ini dapat ditimbang oleh Kerajaan kerana menjadikan Duta-duta atau Pesuruhjaya Tinggi di seberang laut, negara sahabat, daripada pegawai-pegawai Kerajaan, inipun satu langkah yang baik bagi menaikkan taraf mereka itu kepada taraf yang lebih tinggi, akan tetapi hendaklah kita menimbang supaya dipilih ahli-ahli politik yang matang yang bukan sahaja terdiri daripada orang Melayu tetapi orang Tionghua, orang India

dan sebagainya dan kita boleh lantik dan kita boleh hantar ke negara-negara yang kita fikir kita mempunyai persahabatan. Tetapi pada masa ini cuma pegawai-pegawai dalam Kementerian Luar sahaja bila tiada tempat hendak letak, iapun dihantar. Kita rasa langkah itu walaupun bijak tetapi tidak bijaksana. Pada masa dahulu Tan Sri Yang di-Pertua seorang daripadanya telah memberi khidmat yang baik di Amerika, di Bangsa-bangsa Bersatu tetapi pada masa-masa yang akhir-akhir ini, saya fikir cuma ada satu dua orang sahaja, satu di Iran dan satu lagi di Yugoslavia. Itupun yang di Iran itu patut boleh balik. Di Australia ada seorang. Jadi kita boleh naikkan pangkat, kita beri hormat kepada mereka yang patut kita beri. Banyak ahli politik kita yang terkenal macam Encik Gabriel ini seorang yang sangat marhein fahamannya, dedicated, penuh azam dan satu masa akan menjadi seorang ahli Undang-undang insya Allah dan kalau ia diberi peluang umpamanya dan ia berpeluang boleh melanjutkan pelajaran yang lebih baik di samping berkhidmat kepada negeri dan negara. Itu satu contoh yang kecil yang saya hancurkan di Dewan ini dan saya harap pandangan ini akan dapat ditimbang oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiripun pelik dalam masa kita membangunkan Kuala Lumpur ini menjadi ibu kota ini masih tidak dapat menzahirkan satu pelan induk yang boleh disaksikan oleh rakyat, oleh orang ramai bagaimana perancangan bandaraya dalam pelan induk itu. Kalau kita bertanya bagaimana pelan induk bandar Kuala Lumpur, saya fikir siapapun tidak boleh tahu, sebab belum dizahirkan. Kalau pelan induknya tidak ada, bagaimana kita hendak mencantikkan bandar Kuala Lumpur. Kita telah dirikan satu kilang dekat Sungai Buluh, Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tahu kilang apa itu, tidak jadi pula. Kononnya dekat sangat dengan padang kapal terbang. Konon hendak dipindahkan ke tempat lain pula. Apa sebab berlaku itu ialah oleh kerana tiada pelan induk. Saya harap kepada bandaraya, tolong buat, kemudian bentangkan kepada Kerajaan dan orang ramai, inilah pelan induk Kuala Lumpur. Ini jalan potong sana, potong sini, itu sudah menjadi amalan Kuala Lumpur ini. Kalau tiada jalan baru yang dicebak bukan Kuala Lumpur namanya, kerana ia mesti keluarkan lumpur itu. Itu sebabnya bandar kita sekarang gali

sana, tutup sini, fasal hendak keluarkan lumpur itu maka barulah namanya Kuala Lumpur. Kita buat perancangan industri di Sungai Besi fasal besi itu maka berlambaklah kilang besi, padan dengan namanya Sungai Besi. Kilang besi banyak di sana. Kalau sekiranya kereta kita pecah, kemek, kita hantar ke sana, jadi nama itu bersambut dengan keadaan kilang ini. Kalau itulah caranya, sampai bilapun tidak boleh katakan Kuala Lumpur ini menjadi sebuah bandar yang cantik yang bersih yang hendak kita contohkan macam Singapura yang padangnya licin, back-lane tiada kertas, kita duduk di hujung mesjid di Mesjid Sultan, kita nampak bersih sana. Kertas tiada, tong tiada, yang dahulunya penuh dengan tong-tong

buang sampah di belakang itu. Kalau kita tidak dapat menzahirkan, tentulah susah kita hendak merancang dan akan dapatlah

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak menyambung ucapannya, bolehlah disambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 19-4-1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.